



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA
BERSAMA DATO' T.S. JEFFRY
PELAKON, PENGARAH DAN
PENERBIT

OLEH:

FARA ZULIANA BINTI ZULKIFLI	2019594257
FATIN MASTURINA BINTI MAZLAN	2019704795

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN
KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA
BERSAMA DATO' T.S. JEFFRY
PELAKON, PENGARAH DAN
PENERBIT

OLEH:

FARA ZULIANA BINTI ZULKIFLI	2019594257
FATIN MASTURINA BINTI MAZLAN	2019704795

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN
KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Pertama, segala puji bagi Allah S.W.T atas keberkatan-Nya telah memberi kami kekuatan dan pengetahuan untuk menyelesaikan tugas kumpulan ini. Dengan keizininannya juga kami berjaya menyiapkan kerja ini dengan sebaiknya pada waktu yang ditetapkan. Kami ingin memberikan penghargaan sepenuhnya kepada ibu bapa dan ahli keluarga kami kerana memahami dan menyokong kami dalam menyelesaikan tugas ini dengan jayanya semasa ODL.

Kedua, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, pensyarah kami bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana memberi kami garis panduan yang baik untuk tugas serta memberikan sokongan, kesabaran yang tinggi dan panduan untuk kami menyelesaikan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membimbing kami secara langsung atau tidak langsung dalam menulis tugas ini.

Ketiga, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Dato Seri ts Jefri bagi meluangkan masa beliau dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam membantu kami menyempurkan projek.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekelas saya atas motivasi mereka dan ikhlas membantu saya semasa belajar. Tidak dilupakan juga memberi saya sokongan dan pengetahuan yang dikongsi kepada saya sehingga saya dapat menyelesaikan tugas ini. Terima kasih .

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	3
Bahagian 3: Awal Pekerjaan Sebelum Menjadi Pelakon.....	6
Bahagian 4: Minat.....	8
Bahagian 5: Pengalaman Kerjaya.....	21
Bahagian 6: Industri Seni Perfileman.....	34
Bahagian 7: Penubuhan Syarikat.....	39
Bahagian 8: Sumbangan.....	44
Bahagian 7: Harapan.....	46
Lampiran	49
Log Wawancara.....	50
Diari Kajian.....	57
Senarai soalan.....	59
Surat Perjanjian.....	62
Gambar.....	63
Indeks.....	64

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Dato' T.S Jeffry bersama Fara Zuliana binti Zulkifli dan Fatin Masturina binti Mazlan mengenai pengalaman beliau dalam bidang perfileman serta pengalamannya dalam membuka syarikat sendiri iaitu Pentas Wayang Production. Transkrip temubual ini dijalankan di atas talian menggunakan platform Google Meet pada 26 Jun 2021 bermula pada jam 9.00 pagi hingga jam 12 tengahari. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan pendirian yang tegas dan berwibawa menghasilkan sesebuah karya yang bermutu tinggi. Temubual ini menumpukan pengalaman beliau sewaktu menjadi pelakon dan juga pengarah sesebuah drama atau filem.*

Kata kunci: *Dato T.S Jeffry, Produksi, Pentas Wayang Production, Gelanggang seni, FINAS*

BIODATA

BIODATA TOKOH



Nama : Dato' T.S. Jeffry / Ting Tiah Seng
Umur :
Tarikh lahir :
Pekerjaan : Pengarah dan penerbit syarikat Pentas Wayang Production
Bidang : Perfileman
Tempat tinggal : Kuala Lumpur
Kampung asal : Pasir Mas, Kelantan
No telefon :
Nama Isteri :

PENGENALAN

PENGENALAN

Industri seni perfileman di Malaysia sering kali di bandingkan dengan filem hollywood kerana ada yang berpendapat filem tempatan tidak setaraf filem kelas dunia. Tetapi jika dilihat dan dikaji terdapat beberapa filem yang pernah memenangi anugerah dalam peringkat antarabangsa tetapi kurang mendapat sambutan terutama di Malaysia. Tetapi, disebalik setiap filem atau drama yang disajikan kepada kita mempunyai pasukan dan ketua yang berdedikasi dalam mengarahkan sesuatu filem tersebut sehingga ada filem tempatan kita yang pernah memenangi anugerah diperingkat antarabangsa.

Maka lahirlah karyawan tempatan yang menjadi tonggak kejayaan dalam industri seni perfileman di Malaysia. Sebagai contoh, Allahyarham Tan Sri P.Ramlee, Allahyarham Yasmin Ahmad, Chiu Keng Guan, Yusof Haslam serta ramai lagi. Begitu juga, dengan pihak produksi dan barisan pelakon yang membantu dalam menjayakan semua filem tersebut sehingga berjaya memenangi anugerah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang industri seni perfileman dan sumbangan karyawan tempatan terhadap industri perfileman.

Dengan itu, hasil wawancara bersama karyawan tempatan iaitu Dato' T.S. Jeffry, telah berkongsi banyak tentang perjalanan hidup beliau yang merupakan pelakon, pengarah serta penerbit. Beliau merupakan anak kelahiran dari Kelantan yang mempunyai semangat tinggi dalam industri seni. Drama-drama beliau sering disiarkan di kaca tv tempatan seperti RTM. Kini beliau sibuk menguruskan syarikatnya sendiri iaitu Pentas Wayang Production Sdn. Bhd. yang ditubuhkan sejak 2000. Selain itu, hasil wawancara ini juga banyak memberikan maklumat mengenai industri tanah air di Malaysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah di jalankan oleh Fara Zuliana binti Zulkifli dan Fatin Masturina binti Mazlan bersama Dato' T.S Jeffry mengenai latar belakang beliau dan sepanjang menjadi anak seni dan lain-lain pengalaman. Temubual ini dimulakan pada pukul 9.00 pagi pada 26 Jun 2021 menggunakan platform *Google Meet*.

Petunjuk:

TSJ : Dato' T.S. Jeffry

FZ : Fara Zuliana binti Zulkifli

FM : Fatin Masturina binti Mazlan

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

FZ : Bolehkah Dato ceritakan serba sedikit tentang diri Dato?

TSJ : Oh, saya seorang orang kampung (ketawa). Asal dari Kelantan - memang duduk di jajahan pasir mas tapi belum sampai pasir mas. Sekarang saya memang di kampung. *Okay* [baiklah], kalau nak ikutkan dalam bidang seni *ni* [ini] saya dalam lebih kurang *tiga puluh satu* [31] *tiga puluh dua* [32] tahun termasuk tahun ini, jadi bermulanya saya daripada seorang pelakon lepas *tu* [itu] saya berlakon *tu* [itu] saya berjinak jinak kan diri ke belakang tabir buat kerja penolong pengarah, kerja pengurus produksi dan juga akhirnya dalam *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] saya dah mula mengarah drama pertama saya dan setelah mengarahkan dalam *belas belas* [berbelas] drama, saya dalam tahun *dua ribu* [2000] saya telah tubuhkan syarikat saya sendiri, syarikat pentas wayang, sehingga hari *ni* [ini] ,maksudnya saya tidak kata saya *dah* [sudah] pencen berlakon, pencen *dah* [sudah] tak mengarah projek luar, tapi tumpuan lebih kepada syarikat sendiri. Kalau saya ada masa, baru saya buat kerja kerja luar. Itulah dia, dan syarikat saya Pentas Wayang Production (ketawa), itu sedikit sebanyak.

FZ : Dato sekarang berusia berapa tahun?

TSJ : Saya sekarang awak rasa berapa tahun? *Dah* [sudah] masuk *five* [5] series *dah* [sudah], pertengahan. Kalau ikut semalam saya punya *harijadi* [ulangtahun] *dua puluh lima* [25] jun *harijadi* [ulangtahun] saya yang ke tahun.

FM : Tak nampak macam Dato Seri, Nampak macam *tiga puluh* [30] an (ketawa).

TSJ : Nak bercakap dengan *korang* [kamu berdua] pun kene pakai *speck* [cermin mata] (ketawa), terima kasih.

FZ : Dato mempunyai berapa adik beradik dan Dato anak yang ke berapa?

TSJ : Saya anak sulung daripada *sepuluh* [10] adik beradik, kami keluarga yang ramai, kalau tambah *satu* [1] *dua* [2] boleh jadi satu *team* [pasukan] bola (ketawa).

FZ : Adakah antara adik beradik Dato masih tinggal bersama kedua ibu-bapa

TSJ **Dato?** : Ada, yang tinggal sekarang adalah adik perempuan yang bongsu, dia tinggal bersama mak saya. *Bapak* [bapa] saya dah *takde* [tiada] dah, mak saya *je* [sahaja].

FZ : Pada umur berapakah Dato berkhawin?

TSJ : Itu memang lewat sikit, tengok saya *lima puluh lima* [55] tak macam *lima puluh lima* [55] sebab anak saya masih kecil, *you* [kamu] tengok anak saya, oh Dato *ni* [ini] baru *tiga puluh* [30], anak kecil lagi. Saya agak lewat dalam *empat puluh* [40] *empat puluh enam* [46] tahun, jadi anak saya masih kecil, yang sulung pun baru *lapan* [8] tahun.

FZ : Dato mempunyai berapa orang anak?

TSJ : *Tiga* [3] orang anak.

FZ : Berapa *laki* [lelaki] berapa perempuan?

TSJ : Yang pertama perempuan, kedua lelaki, yang bongsu perempuan, satu *je* [sahaja] lelaki, yang tengah.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

FZ : Okay [baiklah], sekarang kita akan ke bahagian seterusnya iaitu sejarah pendidikan awal dato seri. Pada tahun berapakah dato mendapat pendidikan terawal?

TSJ : Pada awal saya kalau ikutkan lima puluh lima [55] [umur] bermakna kalau tolak kebelakang tahun *tujuh belas* [17] kan? Kita *dulu* [dahulu] mana ada, tadika, *takde* [tiada], terus masuk darjah *satu* [1] *je* [sahaja] kan. Akhir *tujuh puluh an* [1970] saya dah masuk sekolah dah.

FZ : Dimanakah Dato bersekolah rendah dan menengah?

TSJ : Saya sekolah rendah di pasir mas. Dapat pendidikan, sekolah mandarin sehingga darjah *enam* [6] lepas *tu* [itu] sekolah menengah sini *kat* [di] kampung saya *je* [sahaja]. Sekolah SMT orang panggil. Sekolah menengah tedung masa *tu* [itu], belum ada lagi kebangsaan.

FZ : Apakah subjek yang disukai Dato sewaktu berada di alam persekolahan?

TSJ : Ohh, Bahasa Malaysia dengan Bahasa Sastera. Saya kan suka berkarya karya kemudian menulis. Suka berkhayal. Kita suka cerita dan membaca.

FZ : Bagaimakah suasana di sekolah Dato dahulu, serta cabaran yang Dato hadapi sewaktu di alam persekolahan sama ada disekolah rendah atau menengah?

TSJ : Di sekolah rendah *ni* [ini] kita maklum macam Kelantan, macam saya cakap tadi sekolah saya cina, walaupun cina tapi *enam puluh peratus* [60%] *tu* [itu] semua melayu. *Banyak* [ramai] budak melayu di sekolah cina, *so* [jadi] bagi saya tidak ada masalah, kami dari kampung, pergaulan kami dengan orang melayu dengan budak budak kampung, maksudnya orang cina, bangsa lain dengan budak lain disini dia sama *je* [sahaja]. Pergi sungai, mandi sungai, selalu main basikal, main congkak, main segala benda. Balik lewat kena marah, sama semua. Bila kita ke sekolah menengah pun lebih kurang sama juga, kawan kawan yang sama masuk sekolah menengah. Orang dari kampung *ni* [ini] juga. Kami rasa *takda* [tiada] masalah. *Takda* [tiada] rasa sifat --- *tak* [tidak] pernah sekali bergaduh *kot* [mungkin] Dengan kawan kawan--- macam sekarang, kalau kita dengar, kadang kadang kenapa nak bergaduh, mesti nak rasis sana rasis sini, sama bangsa ke sama agama. *Takde* [tiada] pun disini. Kami harmoni

sehinggalah ke harini *ni* [ini]. Kadang kadang saya lepak dengan kawan saya, *dorang* [mereka] panggil datang *kat* [di] kebun aku ke. Yang ada kebun tu kan--- datang makan buah kat dusun aku. Kami tidak ada masalah. Itu semua, harmoninya kami *ni* [ini], dari zaman sekolah rendah, menengah sehinggalah nak *dekat* [hampir] *sonje* [senja]. *Takde* [tiada] masalah.

FZ : Adakah dato pernah memasuki mana mana pertandingan semasam berada di alam persekolahan?

TSJ : Masuk pertandingan nyanyian, teater. Saya *dulu* [dahulu] minat menyanyi *dulu* [dahulu], di sekolah *dulu* [dahulu] saya banyak masuk pengakap, masuk kem, saya *kedepan* [kehadapan], saya *duk* [kerja] menyanyi - sebab minat masa *tu* [itu], tapi bila dah ke sekolah menengah, kita banyak teater, *join* [masuk] teater, tapi bukan di sekolah, di Gelanggang Seni Kota Bharu. Akhirnya bila ke Kuala Lumpur jadi pelakon. Mungkin suara tak sedap (ketawa).

FZ : Berapakah pencapaian Dato dalam SPM?

TSJ : Oh teruk. Teruk *tak* [tidak] *best* [seronok]. Kita hanya subjek yang lulus - Bahasa Malaysia cemerlang, sastera lulus, matematik *tu* [itu] *fail* [gagal] (ketawa) atas pagar. *Takyah* [tidak perlu] cakap buat malu *je* [sahaja]. Tapi sampai SPM *je* [sahaja]. Selebihnya saya banyak *timba* [menimba] ilmu *dekat* [di] luar, macam ada kelas pengarahan saya masuk, kelas lakonan saya masuk, penulisan skrip saya masuk. Lepas *tu* [itu] *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] buat kos pendek tu saya masuk, *tu* [itu] *jela* [sahaja], daripada awal penglibatan saya dalam bidang seni, saya masuk kelas *dorang* [mereka], kelas yang kena mengena dengan seni. *Tu* [itu] yang orang kata *nak* [hendak] kata pandai *tu* [itu] tidak, tapi buat kerja.

FZ : Yang kelas seni *tu* [itu] *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] buat *free* [percuma] ke ataupun berbayar ke?

TSJ : Ada yang berbayar. Masa *tu* [itu] kita baru lagi, adalah bayar yang sederhana mahal boleh masuk, kalau mahal sangat tak boleh lah kan. Yang *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] kos *tak* [tidak] kena bayar. Selalunya *dua* [2] hari *tiga* [tiga] hari, kos pendek tapi dia banyak kos, masuk *ni* [ini] *kejap* [sebentar] nanti ada lagi. Yang luar *ni* [ini] kos mingguan tapi kena bayar, kadang kadang kelas sendiri pun ada macam Fauziah Nawi punya kelas. Kelas lakonan Fauziah Nawi adalah saya *join* [masuk]

bayaran *tak* [tidak] mahal sangat *kot* [rasa] *dorang* [mereka] pun dah menolong. Kelas Ogy--- *start* [bermula] Ogy berlakon tengah *naik* [meningkat], ada *few class* [beberapa kelas] lagi.

FZ : Apakah pengalaman manis Dato sewaktu berada di alam persekolahan?

TSJ : Pengalaman yang macam mana *tu* [itu] nak tahu?

FZ : Contoh macam waktu sekolah menengah pernah kena denda dengan cikgu sebab nakal ke?

TSJ : Nakal *tu* [itu] biasa budak *laki* [lelaki] tapi nakal kami *ni* [ini] kalau *beza* [berbeza] dengan sekarang *ni* [ini] amat berbeza. Nakal kami *dulu* [dahulu] hanya macam ponteng sekolah, datang lewat, panjat pagar. Kadang kerja sekolah *tak* [tidak] buat, kadang *tiru* [meniru] kerja kawan, kadang melepak tapi kalau benda lebih daripada *tu* [itu] macam *drug* [dadah] ke curi barang orang ke curi basikal ke, *takde* [tiada]. Zaman kami *takde* [tiada] kacau anak dara orang ke, *takde* [tiada], anak dara kacau kami adalah (ketawa). *Takat* [setakat] itu *je* [sahaja], *takde* [tiada] lebih dari *tu* [itu]. Balik rumah dengan kawan kawan mandi sungai, saya orang kampung mandi sungai. Balik sampai maghrib, kene rotan dengan mak, ayah marah.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: AWAL PEKERJAAN SEBELUM MENJADI PELAKON

FZ : Okay [baiklah], kita pergi ke awal pekerjaan Dato sebelum Dato menjadi pelakon.

TSJ : Biasalah saya *tak* [tidak] reti duduk diam, cuti sekolah dah kerja, cari duit sendiri , kemungkinan sebab kami adik beradik ramai, bila adik beradik ramai--- kami pun bukan berasal dari keluarga yang senang jadi kadang kadang, apa yang saya nak, kasut baru, beg baru--- sebagai abang sulung saya terpaksa kerja sendiri, bukan kata *bapak* [bapa] saya tidak beli untuk saya tapi mungkin diperlukan adik adik. Saya sendiri cari duit untuk saya sendiri. Kalau kata tingkatan *dua* [2], cuti sekolah saya dah *start* [mula] kerja. Saya pernah kerja--- semua kerjalah. Kedai basikal pernah, saya pernah kerja buat rumah batu, buat sekolah, tapi kerja dengan orang. Angkat simen ke, tolak kereta bata ke. Semua saya pernah. Ada banyak lagi.

FZ : Berapakah gaji pertama Dato yang Dato dapat sewaktu awal bekerja?

TSJ : (Ketawa) Gaji pertama ikut hari *kot* [mungkin]. *Sepuluh ringgit* [RM10] *satu* [1] hari ke. Lebih kurang macam *tu* [itu]. Mula mula --- tengok kedai baiki motorsikal ke basikal ke lebih kurang itu *tujuh lapan ringgit* [RM7-RM8]. Masa *tu* [itu] tahun *80 an* [1980], awak kena ingat, *80 an* [1980] *tu* [itu] *sepuluh ringgit* [RM10] agak, macam sekarang kan nak dekat *tiga puluh ringgit dua puluh lima ringgit* [RM30- RM25]. Nilai duit *tu* [itu] besar nilai dia, *so* [begitu] macam pernah kerja kontrak buat rumah, buat sekolah. Masa *tu* [itu] saya *tak* [tidak] ingat sekolah menengah dabung. Saya pernah bekerja *kat* [di] situ. Saya ikut kawan saya orang kampung *ni* [ini] dia macam *mando* [komando] *kat* [di] sana, ketua pekerja. Saya ikut dia bekerja, masa *tu* [itu] tak silap saya cuti penggal ke *tiga* [3]. Dapatlah ---.tapi tak dapat balik. Masa perhubungan kami pun dari sini ke dabung pun masa *tu* [itu], dia belum ada jalanraya masa *tu* [itu], kami naik kereta api, duduk sana sebulan lebih, *so* [jadi] dapat duit banyak, *seratus* [100]. Seingat saya dekat *lima ratus* [500] jugak masa *tu* [itu], *empat ratus* [400] lebih, masa *tu* [itu] dapat beli beg, banyak kan *enjoy* [gembira], beg, basikal. Saya *repair* [pembaikan] basikal sendiri, selebihnya dapat belanja adik adik *sikit* [sedikit], baju . Itu saya rasa gaji yang paling banyak yang saya dapat. Yang lain *tu* [itu] sebab minggu minggu *je* [sahaja], kalau kita kata *satu* [1] hari *sepuluh ringgit* [RM10], kalau *sepuluh* [10] hari lebih kurang *seratus* [100] dah dapat. Tapi yang *tu* [kerja kontrak rumah] dekat *lima ratus lah* [500], sebab duduk sana masa *tu* [itu] pedalaman, jalanraya pun belum

ada. Kerja nak belanja pun *tak* [tidak] boleh kan. Time kerja, kerja lepas *tu* [itu] malam balik tidur *kat* [di] *kongs* [rumah kongsi]. Kalau kerja malam boleh *overtime* [lebih masa]. Pernah ada orang tanya, nak kerja *overtime* [lebih masa], dia bagi, tambah lagi *sepuluh ringgit* [RM10].

FZ : Dato ingat tak berapa kerja yang Dato lakukan sebelum menceburi bidang seni?

TSJ : *Satu* [1], kerja baiki motor, rumah [tokoh sedang mengira pekerjaan]. Di alam sekolah saya rasa kiranya tingkatan *satu* [1] saya dah mula *start* [mula] kerja, saya rasa tak lebih daripada, eh *sepuluh* [10] jugak. Kerja kampung ada tolong angkat buah kan. *Dulu* [dahulu] depan rumah saya *ni* [ini] ada sungai tapi bila musim tengkujuh air naik, bila musim panas *takde* [tiada] air, biasa macam sekarang *takde* [tiada] air. Nanti *dorang* [orang kampung] cucuk tanam *kat* [di] sana. Timun cina, tembikainsemua. Kadang kadang budak sekolah cuti, orang kampung panggi, tolong *dorang* [orang kampung], dapat *sebiji* [satu biji] *dua puluh* [20] sen ke, tolong angkutkan buah. Kerja kampung pun pernah. Saya ni memang--- *tu* [itu] sehingga sekarang *ni* [ini] saya memang--- saya boleh buat kerja sendiri, saya boleh basuh baju sendiri, saya boleh masak, semua boleh. Tapi nak kata sedap tu kene *trylah* [cuba]. Kalau untuk saya makan, saya boleh makan-- kita dah berdikari dari *kecik* [kecil].

FZ : Kalau lepas alam persekolahan ada berapa kerja?

TSJ : Bila lepas [selepas] alam persekolahan saya tak kerja banyak sangat. Saya pernah kerja mekanik. Sebab kan masa saya alam persekolahan *tu* [itu] kan waktu cuti saya pernah kerja mekanik, repair motor, *so* [jadi] bila lepas sekolah *ni* [ini] , biasa saya sekolah tak tinggi, bila sekolah tak tinggi, apa yang saya boleh buat sangat, kerja *ni* [ini] kerja mekanik. Saya buat cat kereta, lepas *tu* [itu] masa cat kereta *tu* [itu] saya juga dah *join* [masuk] Gelanggang seni, jadi tak silap saya seminggu *dua* [2] kali ada latihan dekat Gelanggang Seni Kota Bharu, kita punya *group* [kumpulan].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: MINAT

FZ : Sekarang kita ke bahagian minat Dato. Apakah yang menyebabkan Dato cenderung untuk memasuki bidang perfileman?

TSJ : Perfileman *ni* [ini]--- dari zaman sekolah *ni* [ini] saya dah minat menyanyi, menyanyi *ni* [ini] kira seni juga, saya pun kelas sastera, saya pulak ada *join* [memasuki] teater, saya minat seni. Biasa *dulu* [dahulu] kita tengok *tv* [televisyen] kita teringin juga nak masuk dalam *tv* [televisyen], teringin juga jadi penyanyi. Masa *tu* [itu] kita tak *pikir* [fikir] lagi pasal perniagaan seni, perniagaan – *production house* [rumah produksi] kita tak *pikir* [fikir] lagi. Kita fikir kita nak masuk *tv* [televisyen] *aje* [sahaja]. Kalau aku masuk *tv* [televisyen] kawan kawan aku dapat tengok aku, orang kampung dapat tengok aku, jadi penyanyi ke, jadi di situ kami *join* [masuk] teater. Teater ada pertandingan kan--- saya tak lama pun *join* [masuk] teater, tak lebih dari *tiga* [3] tahun saya *join* [masuk] teater, lepas *tu* [itu] bila ada orang--- tahun 88 [1988], ada satu *production house* [rumah produksi], Channel Nine Film Production dibawah penerbit Khatijah Abu Hasan. Jadi dia buat penggambaran di Kelantan. --- Termasuk *production* [produksi] saya kalau kita buat penggambaran di luar daripada *kl* [Kuala Lumpur] kita akan bawa hanya pelakon utama sahaja dalam *lima* [5] orang, mungkin kita bawak dalam *empat ke lima* [4-5] orang, selebihnya kita cari *local* [tempatan], dari *extra* [pelakon tambahan] sampai pembantu kita cari *local* [tempatan], kita kan cari mereka di Gelanggang Seni. Yang budak budak yang biasa teater ni kan amek dorang ni jadi extra atau pelakon pembantu..dikaranya nanti pelakon teater *ni* [ini] dah ada pengalaman berlakon, *takpayah* [tidak perlu] bentuk sangat, *takpayah* [tak perlu] bimbing sangat, *so* [jadi] saya masa *tu* [itu] Channel Nine--- *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1988] *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1987], mereka buat penggambaran di Kota Bharu, *so* [jadi] saya terpilih untuk berlakon dalam drama *tu* [itu], tak silap saya meniti kabut,ia drama bersiri, jadi saya terpilih untuk berlakon dibawah arahan satu pengarah panggung *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] orang sabah bernama Rimpun Salleh, sekarang dia tak terlibat lagi, dia jadi *businessman* [ahli perniagaan] tapi bukan dalam bidang seni, bidang lain, di situ permulaan saya. Jadi saya berlakon tidak banyak dialog, mula mula bagi dialog tapi bunyi *kelate* [Kelantan] pula *guano* [bagaimana], *kecek* [bercakap] bunyi *kelate* [Kelantan], bila dialog pun bunyi *kelate* [Kelantan] *so* [jadi] dikurangkan dialog. Kita *ni* [ini] orang *kelate* [Kelantan] *shooting* [penggambaran] *kat kelate* [di Kelantan] sebab *guano takde pitih*[bagaimana tiada duit], keras lidah tak

boleh *ni* [ini], saya ingat pengalaman pertama saya, kalau awak tanya saya pengalaman pertama, saya akan ingat sampai bila bila, kalau yang lain tu agak--- yelah sebab beratus dah kan..jadi tak berapa nak ingat, bila saya habis *shooting* [penggambaran], seronoknya campur dengan orang, kita bersama dalam lebih kurang *tiga* [3] minggu juga, bila berpisah kita rasa macam--- yelah satu pengalaman yang baru kita tak pernah dapat tiba tiba--- *dorang* [rumah produksi] pula artis masa tu *friendly* [mesra], kita pun *kat* [di] sini malam bawak *dorang* rumah produksi] makan, masa *tu* [itu] saya dah ada kereta, kereta buruk tapi boleh jalan, kemesraan tu minggu ke minggu macam adik beradik, rasa macam alamak nak balik dah, nak *nangis* [menangis],masa *tu* [itu] perpisahan *tu* [itu] rasa sedih kan, nak menangis pun ada masa *tu* [itu], sebab perhubungan saya makin baik dengan *dorang* [rumah produksi]. Jadi *producer* [penerbit] *offer* [tawarkan], dia tanya saya minat tak berlakon, saya kata saya minat berlakon, nanti datang, ke *kolumpo* [Kuala Lumpur], kalau sini dia kata memang peluang *tu* [itu] *takde* [tiada], sekali sekala ataupun setahun sekali *takpun* [paling tidak] setahun *dua* [2] kali orang *shooting* [penggambaran] dekat Kelantan ni, bukanya selalu orang *shooting* [penggambaran], dan orang *production* [produksi] datang *shooting* [penggambaran] pun belum tentu dia lantik awak sebab ramai lagi kan, lepas *tu* [itu] saya balik pun termenung, saya dah *tak ada* [tiada] semangat kerja sebab berlakon *ni* [ini] dah mengadap kamera semua, lain daripada kerja mekanik yang agak kotor *ni* [ini] kan. Nak jadi orang filem *ni* [ini] dah ada *contact* [kenalan] dah boleh pergi *ni* [ini] *confirm* [sah]. Maka itu selepas *dua ke tiga* [2-3] bulan tu saya--- masuk tahun sembilan belas lapan puluh lapan [1988], saya niat nak ke *kolumpo* [Kuala Lumpur] dah, tapi saya tak pernah ke *kolumpo* [Kuala Lumpur] masa *tu* [itu], jadi dah tentu keluarga *takkan* [tak mungkin] bagi tapi nak pergi juga, degil . Akhirnya saya dengan kawan saya nama zack, dia teater dengan saya, dia pun terlibat dalam drama *tu* [itu] juga. Kami pun sepakat, saya pun jual kereta, dapatlah *tiga ribu setengah* [3500] masa *tu* [itu], bawak duit dengan dia kita ke *kolumpo* [Kuala Lumpur], ada setengah tinggal rumah sikit, *dua ribu* [2000] bawak ke *kolumpo* [Kuala Lumpur], bila ke *kolumpo tu* [Kuala Lumpur itu], cari Khatijah Abu Hasan, *call* [telefon] *dorang* [rumah produksi] *amek* [ambil] datang dekat stesen bas, pergi tinggal dengan *dorang* [mereka], masa *tu* [itu] tinggal di Lorong Kurau Bangsar, dekat TV3 lama, lepas *tu* [itu] dia jadi Grand Billion, sekarang *ni* [ini] dia jadi kilang *kat situ* [disitu], *so* [jadi] saya sempat duduk dengan *dorang* [mereka], dalam *dua* [2] tahun, masa tu. Zack dah tak tahan nak balik, mungkin dia ada *girlfriend* [teman wanita] dia *kat* [di] kampung ke, ada kawan *kat* [di] kampung

ke, tak sanggup berpisah lama, balik la dia tinggal saya, tapi saya *tak* [tidak] kisah, saya dah *start* [mula] duduk dengan Khatijah Abu Hasan *ni* [ini], anak anak dia pun jadi kawan baik saya, jadi adik beradik angkat, masatu saya *dekat* [hampir] *dua* [2] tahun *tu* [itu] adalah projek projek *dorang* [mereka] tapi saya tak ditumpukan *seratus peratus* [100%] berlakon sebab kadang kadang setiap drama *takde* [tiada] watak yang sesuai dengan watak kita, cerita orang tua mana sesuai berlakon dengan kita, *so* [jadi] kita berlakon sikit sikit, bila berlakon sikit sikit saya ambil kesempatan belajar dengan *dorang* [mereka] kerja belakang tabir *ni* [ini] buat apa yang boleh, buat prop ke, penolong pengurus produksi ke, buat air ke, sebab kita dah duduk dalam *production tu* [produksi itu], kita dah macam *staff production tu* [pekerja produksi itu], *so* [jadi] apa yang boleh dibuat kita kene buat., kalau dia kata, hey tak cukup orang *ni* [ini], kene tukar baju jadi pelakon, jadi saya dah mula buat *dua* [2] kerja, bermakna drama kedua saya--- bila drama pertama saya di Kota Bharu ,bila drama kedua di Kuala Lumpur, saya berada di Channel Nine Film Production *tu* [itu] saya dah *start* [mula] buat *dua* [2] kerja, berlakon dan belakang tabir, sempat *tiga ke empat* [3-4] drama lepas *tu* [itu] filem *production ni slow* [produksi ini lambat], dengar khabar projek pun tak berapa ada, masa *tu* [itu] *company* [syarikat] nak tutup dah sebab ada masalah dalaman yang kita tak dapat tau sebab kita masih budak lagi, sebenarnya *gini* [begini], Khatijah Abu Hassan *tu* [itu] kalau *korang* [kamu berdua] nak tau suami dia adalah Dato Aziz Singah, *dulu* [dahulu] adalah pegawai *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] --- *dorang* [mereka] buat *film production* [filem produksi] lepas *tu* [itu] bercerai, saya pun masa *tu* [itu] macam tak *best* [seronok] duduk situ , saya pun bawak diri, lepas *tu* [itu] saya tinggal dengan--- saya dapat tahu adik mak saya ada tinggal di Damansara Jaya, tapi bukan bidang seni, lepas *tu* [itu] saya dapat *contact* [berhubung] dia, saya duduk dengan pakcik saya *jelah* [sahaja] tapi dia bukan buat *production house* [rumah produksi],bukan kerja seni, kerja dia baiki *tv* [televisyen], mesin fotostat. Saya duduk dengan dia terpaksa lah saya kerja dengan dia pula. *Repair* [betulkan] mesin fotostat, hantar gas *kat* [di] rumah orang, *so* [jadi] habis seni aku ni *macam mana* [bagaimana] aku nak teruskan karya seni aku, tapi setiap kali sabtu ahad tu saya pergi juga ada dengar *interview* [temu ramah] cari pelakon *tu* [itu] saya pergi juga, masa *tu* [itu] di *kolumpo* [Kuala Lumpur] ada bas mini yang *lima puluh* [50] sen tu, kadang kadang tersesat jalan kaki, tumpang orang, usaha sampai ke Bangsar - dengar di sini *production* [produsksi] *tu* [itu] nak cari pelakon, *production ni* [produksi ini] nak buat *casting* [panggilan], *production ni* [produksi ini] nak cari penyanyi, saya pernah masuk juga, selepas *tu* [itu]

saya masuk juga kelas nyanyian dengan drama Ali Setan, Ebi Yunus, dia seangkatan dengan dato seri- *so* [jadi] dia buat kelas vokal, pergi kelas vokal dia, adalah sebulan tak sampai, tapi sambil sambil *tu* [itu] saya dengar orang cari pelakon saya pergi, masuk *interview* [temuramah], masuk *audition* [ujibakat], banyak *production house* [rumah produksi], termasuk Faizal Hussein masa *tu* [itu] *popular* [terkenal], dia pernah ujibakat saya, akhirnya macam tak berapa berjaya *je* [sahaja], menyanyi pun tak bagus sangat, menyanyi karaoke boleh (ketawa). Lepas *tu* [itu] tengah belajar vocal, ada *satu* [1] cina *ni* [ini], dia datang dalam kedai *uncle* [pakcik] saya nak repair *tv* [televisyen] ke radio begitu, *so* [jadi] dia *ni* [ini] buat *stunt group* [kumpulan aksi]. Dia tanya saya, lama ke kerja sini, saya kata tak, *dulu* [dahulu] saya terlibat *production* [produksi] juga, saya masih join *interview* [temubual]. Dia kata *join club* [masuk kelab] saya, orang cina tu nama dia Michael saya panggil dia mike, Dia kata *join* [masuk] kelas *stunt* [aksi] dia, saya tanya, kelas *stunt ni* [aksi ini] untuk apa? untuk *stunt* [aksi] lagak ngeri, bukan sekadar bertumbuk — saya *join* [masuk] dalam lebih kurang sebulan lebih, masa *tu* [itu] ada satu pengarah memang nak buat cerita aksi, nama pengarah *tu* [itu] Ayahanda M Osman, cerita Kejaran Maut, dia nak cari *dua ke tiga* [2-3] orang pelakon, watak pembantu, *stuntman* [pelakon lagak ngeri], extra, naik motor berlanggar, jatuh motor berlanggar. *So* [jadi] saya terpilih. Dia tanya minat berlakon? Saya pun kata minat. Kita bahasakan dia ayahanda, saya kata “ayahanda saya minat berlakon”, “aku *amek* [ambil] kau berlakon, kau handle *prop* [peralatan pentas], mungkin yang lain cina _ sikit, tak pandai cakap Bahasa Malaysia, *so* [jadi] saya fasih berbahasa Malaysia, tapi bunyi *kelate* [Kelantan] sikit tapi *takpela* [tidak mengapa], so yang lain *tu* [itu] tidak fasih berbahasa Malaysia, *dorang ni* [mereka ini] tak boleh dialog, boleh jadi *stuntman* [pelakon lagak ngeri], berlanggar kereta, bawa kereta berpusing pusing, bawa motor jatuh, tapi saya *jelah* [sahaja] berdialog sebab saya boleh cakap Bahasa Malaysia *enam puluh peratus* [60%] masa *tu* [itu], tapi ada bunyi *kelate* [Kelantan] (ketawa), sepanjang *shooting* [penggambaran] dengan mereka *sepuluh* [10] hari, Kejaran Maut *tu* [itu]--- saya daripada *kecik* [kecil] dah biasa berkawan dengan orang melayu, kampung kita pun kampung melayu, *so* [jadi] tidak kekok bagi saya bila, time *shooting* [penggambaran] atau time takde *scene* [babak] saya, saya *amek* [ambil] air bagi dia “ayahanda minum air”, kadang kadang *breakfast* [sarapan pagi] datang, lunch datang, kadang kadang saya *amek* [ambil], *buh* [letak] pinggan bagi dia ,[tokoh menunjukkan gerak badan], mungkin orang lain nampak macam nak *bodek* [ambil hati] *director* [pengarah], tidak, kita tengok *director* [pengarah] tengah buat syot tengah tulis skrip

[tokoh menunjukkan gerak badan], apa salahnya kita *amek* [ambil] air bagi *director* [pengarah], kita nak tunjuk juga macam orang yang berjasa kepada *director* [pengarah], selepas *dua ke tiga* [2-3] hari dia mesra dengan saya, esok pagi dia datang [tokoh menceritakan beramah mesra semasa sarapan], jadi selepas *sepuluh* [10] hari *tu* [itu], hari ke *sembilan* [9] dia panggil saya, dia kata “ayahanda nampak kau minat” , saya kata saya minat, dia tanya , *cemana* [bagaimana] sejarah perjalan kau”, [tokoh mengulangi cerita sejarah perjalan dari kampung ke Kuala Lumpur], lepas *tu* [itu] dia kata *takpelah* [tidak mengapa], ayahanda ada *shooting* [penggambaran] lagi, sentiasa ada *shooting* [penggambaran], esok kita *last* [akhir], lusa ayahanda datang *amik* [ambil] kau duduk dengan ayahanda, [tokoh menceritakan bahawa Ayahanda mengajaknya ke rumah beliau untuk tinggal bersama], lusa *tu* [itu] dia datang *amik* [ambil] saya dekat rumah *uncle* [pakcik] saya, [tokoh menceritakan Ayahanda datang mengambilnya], bila sampai rumah dia di Sri Gombak, ha disitulah jumpa dengan Zul, Aziz M Osman, kalau *korang* [kami berdua] pernah tengok filem Fantasia, zaman tu Aziz M Osman---Zul dia buat drama, [tokoh menceritakan ayahanda mengenalkan beliau dengan anak anaknya], jadi esok lusa *tu* [itu] kenduri saya tolong pasang khemah, angkat meja, susun meja, lepas *tu* [itu] habis kenduri *tu* [itu] biasalah kemas kemas--- bila pula orang tua *ni* [ini] nak hantar aku balik(ketawa). Lepas *dua ke tiga* [dua ke tiga] hari kenduri, pelik la bila ayahanda nak hantar aku balik *ni* [ini], [tokoh menceritakan bahawa ayahanda melarang beliau balik], masa *tu* [itu] ayahanda umur *empat puluh* [40] an, lima puluh [50], masa *tu* [itu] kita baru umur lebih kurang *tiga puluh* [30], [tokoh menceritakan pengalaman beliau membawa kereta di Kuala Lumpur], jadi ayahanda buat skrip pun, dia suka tulis tangan, lepas *tu* [itu] pakai *typewriter* [mesin taip] lama, [tokoh membuat gerak badan menaip menggunakan mesin taip], [tokoh menceritakan proses menaip skrip bersama ayahanda], ala *boringla* [bosan], aku nak datang berlakon tapi aku kena buat kerja kerja *gini* [begini], lepas *tu* [itu] dia pergi studio, dia buat *editing* [penyuntingan], tunggu dalam studio sambung gambar, *dulu* [dahulu] *editing* [penyuntingan] bukan pakai digital, pakai manual, sekarang *editing* [penyuntingan], pakai *software* [perisian] boleh potong kan, [tokoh menceritakan tentang proses di dalam studio suntingan] jadi itu sebab saya ikut Zul juga *dua* [2] *tiga* [3] drama, ikut Aziz *satu* [1] *dua* [2] filem, bila ayahanda dah *takde* [tiada], baru hari ini kita tau, apa yang diajar oleh ayahanda *tu* [itu] kesabaran. Bila saya berlakon dengan orang lain *tu* [itu] bagi skrip saya boleh hafal. Saya ikut Zulkifli M Osman pergi studio edit *offline* [di luar talian], sebab itu kesabaran yang ayahanda bagi *tu* [itu] kan--- kalau *dulu*

[dahulu] saya tak tahan memang saya *fail* [gagal], saya takkan dapat ilmu yang saya ada sehingga ke hari ini, kesabaran, lepas *tu* [itu] macam dialog *on the spot* [pada ketika itu semua saya dapat, bila hari ini saya jadi pengarah, penerbit, skrip tak berapa bagus saya boleh olah balik sebab saya dah biasa dah, di *train* [ajar] sebegitu, tapi masa kita tinggal dengan dia masa *tu* [itu] kita masih muda kita rasa alamak habis *takleh* [tidak boleh] jadi pelakon dah, macam dah kene *control* [dikawal], dah kena duduk studio sampai ke pagi, tapi itu yang kita dapat harini sebenarnya, kesabaran itu yang kita dapat harini, kalau saya tak sabar, mungkin saya jadi pelakon juga atau pengarah tapi pelakon yang *gitu* [begitu] *jelah* [sahaja], tidak la saya kata hebat hari ini tapi saya dah *tiga puluh dua* [32] tahun dalam bidang *ni* [ini], jadi bila dah *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997], saya pun dah mula mengarah drama pertama saya, sebab *dulu* [dahulu] saya ikut Zul dengan Aziz, dengan Aziz tak banyak dalam *dua ke tiga* [2-3] filem *je* [sahaja] tapi dengan Zul banyak, pernah jadi hero pun ada, pernah jadi pelakon utama pun ada dengan zul *ni* [ini], *so* [jadi] saya pun mengarah drama pertama saya *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] bertajuk Pelayaran Kasih terbitan Indra Mutiara production, *so* [jadi] saya ambil Arash Mohamad pertama kali jadi hero, masa *tu* [itu] Arash dah berlakon dah dengan _ , _ *ni* [ini] dia buat drama purba, saya amek Arash Mohamad berlakon, berganding dengan Lidyawati. Saya mengarah drama *tu* [itu] berbekalkan ilmu yang diajar oleh ayahanda dengan Zul, tapi saya berpakat dengan camera *man* [lelaki], call syot, *assistant* [pembantu] saya Opie Zamie, tapi Opie pun sekarang dah jadi pengarah, dia pun dah ada *production* [produksi], Opie Zami dia jadi *editor* [penyunting], *so* [jadi] dia jadi *assistant* [pembantu] saya, *so* [jadi] *backup* [sandaran] saya kuat dengan pengalaman yang ada. Camera *man* [lelaki] kawan saya, *assitant* [pembantu] saya seorang *editor* [penyunting], walaupun orang buat telemovie *sembilan* [9] hari, saya dapat juga habis telemovie *sepuluh* [10] hari, lokasi kita pun jauh, Kelantan, Kuantan, atas laut, kapal besar ,*tanker* [kapal tangki], *so* [jadi] dapat habis *sepuluh* [10] hari, *so* [jadi] bila habis *sepuluh* [10] hari tu *editing* [suntingan], duduk dengan *assistant* [pembantu] saya, *takde* [tiada] masalah sebab kita dah lalui dah dengan ayahanda dengan Zul, kena kurung dalam studio. Bila siap *editing* [suntingan], orang pertama saya *preview* [pratonton] ialah keluarga ayahanda M Osman. Aziz tengok Zul tengok, bonda tengok, [tokoh menceritakan reaksi keluarga M Osman terhadap drama sulungnya dan mereka menyukainya] [tokoh menunjukkan gerakan tepuk tangan] *happy* [gembira] saya, drama *tu* [itu] hantar kat *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] pun suka pula, *TVI* [saluran Radio

Televisyen Malaysia]. ke *TV2* [saluran Radio Televisyen Malaysia]. tak ingat. Tayang berkali kali. Bermula saya menjadi pengarah, saya dah duduk bujang, dah duduk luar. Saya *start* [mula] mengarah. Drama ke *dua* [2] saya adalah Melodi Indah. Melodi Indah saya *shooting* [penggambaran] di Cameron Highland, *TV3* masa *tu* [itu]. Hero saya adalah CEO *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] sekarang, Ahmad Idham hero saya, --- masa *tu* [itu] dia tak berlakon lagi, lepas *tu* [itu] baru dia *join* [masuk] ____, *first* [pertama] dengan saya. Saya bagi dia peluang jadi hero, ganding dengan *bini* [isteri] Mustapa Kamal sekarang, Susan Manen, masa *tu* [itu] *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999], maka saya *start* [mula] mengarah, jadi dah *start* [mula] ada peluang orang panggil, saya pernah mengarah orang punya--- apa drama saya yang awak pernah tengok atau pernah perasan pengarahannya?

FM : *Dulu* [dahulu] saya pernah tengok cerita Halimah Jongang, Dollah hapak.

TSJ : Ha betul, tahun *dua ribu* [2000] baru saya *set up* [menubuhkan] Pentas Wayang production. Sebelum *tu* [itu] saya menjadi pengarah *freelance* [bebas]. Halimah Jongang saya pengarah dia [tokoh menyanyi lagu cerita Halimah Jongang] [Temubual tergendalan sebentar kerana anak tokoh]. *Tu* [itu] *under* [dibawah] A.Aida production, Datuk A .Aida. --- ada *satu* [1] lagi drama saya buat orang punya iaitu Masak Lomak Cili Api, dengan Ebby Yus. Saya pengarah dia, Masak Lomak Cili Api. Saya buat *under* [dibawah] Inuja Production, lepas *tu* [itu] tahun *dua ribu* [2000] baru saya buat *company* [syarikat] saya, maka wujudlah Pentas Wayang Production tahun *dua ribu* [2000], saya pun dah kurang berlakon, maklum *production* [produksi] baru jadi saya terpaksa jadi *runner* [berkejar] pergi kementerian kewangan, buat sijil komunikasi, sijil *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia], saya *tauke* [empunya syarikat] saya juga *runner* [pelari]. Tahun *dua ribu tiga* [2003] lengkap lesen Pentas Wayang Production. Selepas *tiga ke empat* [3-4] tahun penubuhan baru ada projek pertama. *Dua ribu empat* [2004] Pentas Wayang dah mulakan projek pertama tajuk Lendera sebanyak *lima belas* [15] episode. Itu yang kita gandingkan dengan ____ *so* [jadi] dapat *lima belas* [15] episode, dapat *deliver* [menyampaikan] dengan masa yang tepat, *takde* [tiada] kelewatan *takde* [tiada] kecacatan. *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] takde pindaan *dorang* [mereka] pun suka *so* [jadi] bermula situ Pentas Wayang sehingga hari ini. Yang *latest* [terkini] *ni* [ini] kita tunggu lepas *lockdown* [penutupan dan penyekatan] kita nak buat Ms VIP *dua puluh* [20] episode *satu* [1] jam. Sepatutnya kita *start* [mula] *dua puluh lima* [25] Mei hari itu tapi tak boleh kerana

lockdown [penutupan dan penyekatan]. Kita gandingkan pelakon nama yang tengah naik macam Zeera Azizi, Iqram Johari yang muka macam Zul Ariffin, *so* [jadi] kita gandingkan *dorang* [mereka] dengan pelakon baru dan kita gandingkan jugak dengan pelakon senior cameo macam Amanshah [tokoh menyanyi]. Kita gandingkan pelakon lokal--- saya ada *shooting* [penggambaran] dekat Kelantan, KL dan Sabah, *so* [jadi] di Kelantan saya gandingkan jugak dengan Kapilla [tokoh menyanyi] lepas *tu* [itu] kita gandingkan juga Man Khan penyanyi etnik Kelantan, *so* tak boleh *start* [mula] sebab sekarang *ni* [ini] *lockdown* [penutupan dan penyekatan], kalau *start* [mulakan] pula kena saman nanti (ketawa). *Ongoing* [berterusan] projek ialah Ms VIP. Yang belum habis tayang ialah Misi Dania Cun---kita gandingkan Datin Niena Baharun yang pertama, yang ke *dua* [2] Elyana, sebelum itu ada jadi sebutan, Akulah Cinderalla, si Octavia Manrose dan Nafiez Zaidi, di tayang di tv OKEY. Lepas *tu* [itu] program masakan pun ada, kita bukan buat drama sahaja, kita buat majalah, majalah kami tengah ulang tayang lagi, Projek Ratu *ni* [ini] kita menjejaki ratu ratu Punuk Randau yang telah menang ratu tapi apa yang *dorang* [ratu] buat sekarang. Kita ada program masakan dengan Master Chef __ bertajuk Jemput Makan. Kalau nak tengok pun ada di Youtube saya. Saya isikan dengan drama yang telah ditayangkan oleh RTM [Radio Televisyen Malaysia] iaitu Pentas Wayang Channel. Tolong *subscribe* [melanggan] sekali (ketawa) di situ pun ada belas belas drama dah termasuk *cooking show* [rancangan memasak] majalah, telemovie, bersiri. Yang belum ditayangkan RTM [Radio Televisyen Malaysia], iaitu Final Wish tengah tunggu tayangan. Final Wish kita buat *last year* [tahun lepas]. Pelakon kita seorang pun dah meninggal iaitu mendiang Rama yang baru meninggal *dua* [2] *tiga* [3] minggu lepas. Kenji dengan Farid Amirul Gerak Khas. Final Wish *ni* [ini] harapan terkahir dia jumpa kakak dia. Dah lulus dah tapi tengah tunggu tayangan *je* [sahaja] TV2. Tapi kalau drama sebelum *ni* [ini] dah tayang, *you* [kamu] boleh tengok *kat* [di] Youtube. [Tokoh menyenaraikan tajuk tajuk drama]. Dan terbaru kita akan buat satu filem. kita dah lulus geran dari FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional], lepas saya buat Ms VIP *ni* [ini] *dua belas* [12] episode dah habis saya akan buat sebuah filem yang di *run* [jalankan] oleh FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] yang bertajuk M-A-R-A-K. Itu bantuan FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] _ _ _ Itu belum *start* [mula] lagi, bila *you* [kamu] tanya saya bila nak start *shooting* [penggambaran], saya pun susah nak cakap sebab kita dalam pandemik MCO [perintah kawalan pergerakan] COVID *so* [jadi] kita susah nak cakap, *as long as* [selagi] *lockdown* [penutupan dan penyekatan] dah *takde* [tiada], PKPB [perintah

kawalan pergerakan bersyarat] kami boleh mula, kalau *PKPD* [perintah kawalan pergerakan daerah] *tu* [itu] susah juga kami kene *apply* [isi] juga. Saya dari Persatuan Penerbit *TV* [televisyen] di bawah presiden Dato Jurey Latiff, kami dah *apply* [isi] surat kepada *Yang Amat Berhormat Perdana Menteri* [Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhiaddin Yassin] bahawa pada surat *tu* [itu] beritahu Persatuan Penerbit *TV* [televisyen] bahawa kami *ni* [ini] krew dari golongan B40 banyak yang *putus suap* [tiada wang] *so* [jadi] kami mintak kelongaran *SOP* [prosedur operasi standard] untuk kami mulakan penggambaran hujung bulan *ni* [ini], sebab kalau ikutkan *RTM* [Radio televisyen Malaysia]---kami *under* [dibawah] *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional] mungkin *on* [di] September *tu* [itu] okay tapi agak lama, tapi *cemana* [bagaimana] krew krew kami yang *takde* [tiada] kerja berbulan bulan termasuk kami *ni* [ini] yang penerbit yang hari itu *shooting* [prnggambaran] lepas *tu* [itu] *lockdown* [penutupan dan pnyekatan] tiba tiba terpaksa *stop* [berhenti]. Lepas *ni* [ini] tak tau bila, kalau dia kata sambung balik siri dia, ada jugak yang dah bagi kontrak kat artis. Artis dah *sign* [tanda] duit dah bagi, *seorang tiga puluh peratus* [30%] tapi tak boleh *shoot* [penggambaran]. Saya dah bagi duit sekarang terpaksa terpaksa *hold* [tahan] tapi walau macam mana, kita tetap harus bersabar, kita tak boleh bising atau tunjuk sikap yang tak puas hati. Ini penyakit dunia. [Tokoh memberi pandangan dan menyokong kerajaan mengendalikan Covid-19]. Cuma apa yang kita boleh minta pandangan dari kerajaan itu melalui persatuan yang macam kami buat *tu* [itu]. Panjangkan surat kepada *Perdana Menteri* [Yang Amat Berbahagia Tan Sri Muhyiddin Yassin] biar *dorang* [mereka] bincang. Kita bukan yang arif tapi kita beri pandangan. [tokoh memberi cadangan untuk membuat penggambaran mengikut prosedur operasi standard].

FZ : Saya nak tanya, apakah persepsi rakan rakan atau keluarga Dato tentang minat Dato untuk berlakon?

TSJ : Maklum *saja* [sahaja] bila kau jadi artis *ni* [ini] tak kira pelakon ke penyanyi ke dipanggil artis, bila kau jadi artis *ni* [ini] *of course* [sudah tentu] bila ada kawan yang tak berapa suka kau, bila tengok kau dia macam [tokoh membuat mimik muka] dia tak berapa bercakap dengan kita, [tokoh menceritakan pengalaman dimarahi orang yang tidak menyukai watak yang beliau bawa] cuma kita kene ingat bahawa kita kerja *ni* [ini] *or* [atau] kita berlakon *ni* [ini] memang - kita *ni* [ini] macam hak masyarakat - macam *korang* [kamu berdua], dapat saya korang suka tak, tapi kebanyakan nya penerimaan *good* [bagus], boleh kata *tujuh puluh peratus* [70%] *good* [bagus]. Yang tak suka *ni* [ini] tengok macam mana dia *jelous* [iri hati], mungkin juga dia terbawa bawa watak dalam *tv* [televisyen] *tu* [watak jahat dilakonkan oleh tokoh]

FZ : Apa keunikan tentang industri perfileman yang masyarakat tak tahu?

TSJ : Ini bagus soalan nya. Unik nya bila kita berlakon orang kenal kita, jadi kita macam muka passport, bila kita pergi mana mana kita tunjuk contoh kepada masyarakat. *So* [jadi] kita *behave* [berkelakuan baik], *so* [jadi] kita tak boleh terbawa bawa perangai dalam filem *tu* [itu] keluar, kita tak boleh bawa dunia glamor awak balik ke kampung, *so* [jadi] bila ada sikap begini, yang suka jadi tak suka kat engkau, kadang kadang kita kat luar lepas *tu* [itu] kita ada sikap tak elok kadang kadang peminat kita nak tegur kita nak *amek* [ambil] gambar kita *dorang* [mereka] pun macam segan, dia mintak bergambar dengan, kita buat endah tak endah. Jadi di situ orang akan *start* [mula] tak suka dengan kita, orang akan cop, “eleh artis *ni* [ini] ego lah sombong” saya tak, saya macam mana awak bercakap dengan saya *interview* [temubual] dengan awak sekarang, kat luar saya macam *tu* [itu] juga, [tokoh menceritakan pengalaman peminat hendak mengambil gambar]. Saya juga tak *lokek* [lejang] bercakap, ada juga orang pernah tanya saya, seronok tak jadi pelakon saya nak jadi pelakon boleh tak? [tokoh menceritakan pengalaman di tanya soalan oleh orang kampung tentang menjadi pelakon] tambahan lokasi kita *shooting* [penggambaran] tak pernah satu artis masuk, mereka mengenali artis melalui *tv* [televisyen], media social, melalui ig, fb kan. Tiba tiba dia jumpa artis, apa salah nya dia bertanya, kenapa kita harus sombong. Selama *ni* [ini] tanpa mereka siapa kita. Mereka penyokong kita, mereka peminat kita. Kalau kita sombong *cemana tu* [bagaimana itu], *so* [jadi] apa salah nya kita bercakap, bukan *lokek* [lejang] pun, kita tak akan jadi kaku bila tak berlakon dah, mereka selalu tengok kita

kat *tv* [televisyen], apa salah nya mereka tanya kita. Keistimewaan dia sekarang *ni* [ini] atas diri kita sendiri, sebab *dulu* [dahulu] berlakon *ni* [ini] kalau awak anggap berlakon untuk glamor--- saya sebagai pengarah atau penerbit saya selalu nasihat kan kalau adik nak berlakon dalam bidang *ni* [ini], nak jadi artis semata mata glamor adik lupakan *je* [sahaja], nanti esok lusa habis. Tapi kalau adik nak berlakon sambil *tu* [itu] nak jadi kan sebagai sumber rezeki dan pendapatan *very good* [sangat bagus] [tokoh membuat tanda bagus]. Tapi kalau awak nak berlakon *satu* [1] *dua* [2] drama sebab nak glamor, *tu* [itu] satu masalah bagi awak, disiplin awak akan jadi *out* [keluar] dalam bidang *ni* [ini] sebab terhegeh hegeh nak glamour, orang nak tunggu kau, disiplin *out* [keluar] sebagai orang baru. Bila dah *famous* [terkenal], datang lambat pukul *dua belas* [12]. Lepas *tu* [itu] senior pelakon lain pandang je kau, dah sampai *tu* [itu] tak tahu nak *say sorry* [berkata maaf], tak salam pula, dia tunggu, kau senyum *je* [sahaja]. Kau pun lalu *depan* [hadapan], kelam kabut nak cari *make up artis* [artis solekan] nak *wardrobe* [menyalinkan baju], *time* [masa] *tu* [itu] nak baca skrip. Dahla datang lewat, lepas *tu* [itu] bila masuk *scene* [babak] teragak gagap, *lima belas* [15] *take* [shot yand diambil] tak dapat lagi. Lepas *tu* [itu] berlakon dengan *senior* [veteran] pula, macam mana senior tak marah. *You* [awak] tengok sehari *dua* [2] *dorang* [netizen] banyak *complaint* [mengeluh] *pasal* [tentang] pelakon baru, takde disiplin, takde persiapan, janji *famous* [terkenal] *kat* [di] *ig* [Instagram] lepas *tu* [itu] ingat boleh berlakon--- tapi ada yang bagus bukan semua--- ada yang bagus saya tak kata semua, ada yang menyusahkan penerbit, menyusahkan artis veteran. Itu saya nasihat *dorang* [pelakon baru], *okay* [baiklah] saya masuk bidang *ni* [ini] sebab nak cari pengalaman, keduanya saya nampak bidang ini, yang saya boleh cari makan saya akan teruskan, *it's a very good* [ia sangat bagus]. Dia jadikan karier untuk bidang *ni* [ini] *it's a very good* [ia sangat bagus]. Keistimewaan bila kau jadi seorang pelakon, kau rasa kau berlakon *ni* [ini] dah bagus, *satu* [1] masa nanti bila orang dah *start* [mula] kenal kau, kau boleh kembangkan bakat engkau, buka perniagaan, boleh bukak *production* [produksi]. Dalam bidang *ni* [ini] kau boleh banyak berlakon contohnya berlakon, belakang tabir, *so* [jadi] tak akan kau nak berlakon--- *satu* [1] hari nanti kau boleh jadi pengarah, pengurus produksi, penerbit. Itulah keistimewaan nya. Maksudnya cabang dia banyak, cuma diri sendiri apa yang kita *nak* [mahu], kalau kata aku nak belakon *je* [sahaja] sampai tua pun boleh juga, aku kene jadikan *income* [pendapatan] *ni* [ini] *satu* [1] bulan masuk, kene jadi kan karier, punca rezeki aku boleh juga, tapi rasa bidang *ni* [ini] cabang dia banyak, *so* [jadi] gunakan keistimewaan *tu* [itu] kesini kesana buka bidang *ni* [perniagaan], aku jual

barang sebab orang dah kenal, aku jual online kan orang dah kenal aku, *of course* [sudah tentu] bila kau pergi mana mana orang kenal kau. Contoh si oda, orang tak tanya buat apa sini, orang tanya “eh oda tak berlakon ke kau”, orang dah *start* [mula] kenal kau, maknanya dekat *introduction* [pengenalan drama] kau orang dah kenal. Itu saya kata berbalik kepada sikap kita, [tokoh menunjukkan mimik muka berlagak] mulanserabut, orang benci dia menyampah, sebab itu keistimewaan dia--- *roadblock* [sekatan jalanraya] juga, polis tak tanya awak *ni* [ini] siapa ,dari mana, tak pernah tanya saya macam *tu* [itu], bukan kata saya istimewa, tidak, orang kenal kita sebab kita ni kan muka passport. “buka tingkap, nak pergi mana *shooting* [penggambaran] ke” dia akan tanya begitu. Ataupun dia tanya “buat cerita apa sekarang”. Kalau saya jawab “ya saya,sukahati saya nak ke mana,kenapa mau tau”[sambil membuat mimik muka menyampah] *tu* [itu] jadi masalah sebab kita yang mula *dulu* [dahulu] dan keistimewaan yang ada di sini---kita dah duduk bidang *ni* [ini] dah *tiga puluh tahun* [30] tahun lebih tapi tak pandai nak guna kan keistimewaan yang ada. Orang dah kenal kau kan, kau buat *business* [perniagaan] ke online ke, ataupun buat *production* [produksi] ke *pasal* [tentang] diri sendiri, tapi kene belajar juga, jangan tiba tiba jadi pelakon *pastu* [lepas itu] buka *production* [produksi], tengok Dato Rosyam kawan saya *tu* [itu], dia sebelum jadi pelakon, dia jadi belakang tabir. *First* [pertama] dia berlakon Suami Isteri Dot Dot Dot, saya lagi *famous* [terkenal] dari Rosyam. Dia kerja syarikat Berjaya Filem, *so* [jadi] sambil kerja,sambil berlakon---itu pertama kali Rosyam Nor jadi hero, Suami Isteri Dot Dot Dot, dengan Lidyawati, Saya kan ada [tokoh menunjukan gerak tangan yang dilakukan di dalam filem itu] “inilah gaya kadir” itulah saya. *Reporter* [wartawan] banyak *interview* [temubual] saya dari Rosyam Nor, tak salah kan *reporter* [wartawan] sebab Rosyam kan agak baru, saya kan dah berlakon Mari Mariana, Lurah Dendam filem___, Sahabat Rimba Malam, saya dah *start* [mula] berlakon dah masa *tu* [itu], *so*[jadi] *reporter* [wartawan] datang *interview* [temubual] artis dekat lokasi, --- saya memegang watak agak berat dengan Lidyawati, *so* [jadi] saya kena *interview* [temubual] masa *tu* [itu], tapi Dato Rosyam pengalaman luas, sampai sekarang *production* [produksi] dia Suhan Movies, --- orang *takleh* [takboleh] tipu dia dah sebab pengalaman dia luas, sekarang dia buat *business* [perniagaan], dia buat kebun dia nenas, nangka madu, dia buat Rosyam Mart, *camni la* [begini] dia cari duit, itu saya kata ini keistimewaan dia, kalau *dulu* [dahulu] mula mula dia nak *start* [mula] berlakon, dia buat macam *ni* [ini],mana boleh, siapa nak percaya dia, siapa nak bagi modal, siapa nak jadi rakan kongsi dia sebab dia tak *famous* [terkenal]lagi, tapi bila dia gunakan *famous*

[terkenal] dia, dah berlakon dalam *dua* [2] *tiga* [3] puluh tahun, nama dia tengah naik dia gunakan, Rosyam harus diberi pujian, itu saya *dulu* [dahulu] buat mengarah orang *je* sahaja], saya kata “ay saya mengarah orang je saya pun nak buat duit juga”, *tu* [itu] saya buat *production* [produksi], saya buka Pentas Wayang, tidak kaya raya sampai hari ini tapi bolehlah cari makan tolong kawan yang *takde* [tiada] kerja, boleh panggil selagi saya ada *job* [kerja],selagi ada *FINAS* [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia], selagi ada tv stesen macam *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], ASTRO selagi itu saya rasa rezeki saya ada *je* [sahaja]. Saya boleh bantu *dorang*[mereka], saya tidak bagus tapi *okayla* [baiklah] (ketawa)

FZ : Siapakah individu yang mengalakkan Dato untuk meneruskan kerjaya dalam bidang perfileman?

TSJ : Kalau dalam penglibatan awal diri saya sendiri,*takde* [tiada] orang lain, bila saya *join* [masuk] teater *tu* [itu], saya sendiri juga,saya cakap macam *tu*[itu], sebab dalam *family* [keluarga] saya,adik saya *sepuluh* [10] orang, dalam adik beradik saya *takde* [tiada]*satu* [1] pun orang seni. Adik semua dalam akademik, semua berjaya semua university, *so* [jadi] tapi untuk memberi jalan dan juga memberi ilmu, Khatijah Abu Hasan,keluarga M Osman, mereka *ni* [ini] yang memberi jalan dan juga memberi peluang dan semangat dan ilmu.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGALAMAN KERJAYA

FM : *Okay* [baiklah] nak tanya sepanjang penglibatan Dato' Seri menjadi anak seni, watak yang pernah Dato' Seri merasakan memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan Dato' Seri?

TSJ : Saya perasan watak yang banyak meninggalkan kesan *kat* [dekat] saya watak jahat (ketawa) jadi jahat, jadi gangsterlah, mafialah, *tak* [tidak] kira lah watak *leading* [utama] ke *supporting* [pembantu] ke. Banyak yang meninggalkan kesan dekat saya sebab apa, sebab dia kontra (sambil buat pergerakan tangan). Bila dalam *tv* [televisyen] orang kata “eh kau *ni* [ini] watak jahat memang kau boleh bawa watak jahat *tu* [itu] memang aku menyampahlah tengok muka kau” memang hidup lah kita berlakon *tu* [itu] hiduplah bila orang *start* [mula] menyampah kau boleh watak *tu* [itu] berkesanlah. Tapi diluar lain (sambil tersenyum) di luar okay pula, di luar nampak baiklah pula. Itu yang berkesan bila orang cakap begitu maksudnya itu yang berkesan. Kau bagilah apa watak yang jahat *tu* [itu].. ada juga watak yang baik *tu* [itu] melambak pun ada juga. Tapi yang jahat *ni* [ini], *tak* [tidak] kiralah ‘Gerak Khas’ ke, watak drama lain ke - termasuklah ‘Petri Saadong’. “Kau tengok puteri saadong?” tanya TS kepada kami. Puteri Siam, Lagenda Puteri Saadong – ‘Petri Saadong’ tengok YouTube. Saya jadi Raja Siam *dua* [2] episod, *dua* [2] siri Raja Siam aaa *tu* [itu] lah. Walaupun bukan jahat tapi Lagenda Puteri Saadong dia kan.. ‘Puteri Saadong’ dia *ni* [ini] kena angkat bagi Raja Siam kan. Kalau *you* [awak] baca ‘Lagenda Puteri Saadong’ itulah yang di filem kan, di drama kan oleh Raja Shahrizal. Itu saya berlakon *je* [sahaja].. *dua* [2] tahun lepas kita *shooting* [penggambaran]. Tapi tahun *ni* [ini] *dah* [sudah] *start* [mula] tayang *dah* [sudah] dekat *Astro* [televisyen satelit] masih ada lagi dekat *Astro* [televisyen satelit]. Tengok *ni* [ini] Putri ‘P-U-T-R-I’ ‘Petri Saadong’. Itu saja saya jadi jahat. Saya bukan jadi jahat, saya jadi Raja. Tapi orang menyampah juga kerana Raja *tu* [itu] lah Puteri Saadong terpaksa bawa orang-- bawa Putri Saadong pergi rumah dia sampai bergaduh balik *tu* [itu] dengan Raja Abdullah sampai terbunuh Raja Abdullah. Jadi orang akan menyampah *kat* [dekat] saya juga. Walaupun disitu saya rasa saya bukan watak jahat. Saya Raja *je* [sahaja]. Tapi di lain-lain ‘Gerak Khas’ ke apa *of course* [sudah tentu]. Kalau kau berlakon gerak khas dah tentu-tentu kau akan jadi jahat. Sebab siapa *je* [sahaja] yang berlakon dalam ‘Gerak Khas’ *tak* [tidak] kiralah Zul Ariffin masuk ke *tak* [tidak]

kiralah siapa sekali pun masuk ke, Datuk Rosyam masuk ke. Datuk Yusof Haslam katakan tetap kena jadi jahat. “Kenapa?” sebab ‘Gerak Khas’ *tu* [itu] dah polis. *Tak* [tidak] *kan* [akan] lah kita nak jadi polis. Kedua, watak - untuk episod *tu* [itu] kan gerak khas, dia episod-episod kan. Katakanlah ada *satu* [1] episod *tu* [itu] perompak. Kitalah yang menghidupkan perompak *itu* [itu]. Kerana tanpa kita episod *tu* [itu] *tak* [tidak] berjalan. *Tak* [Tidak] *kan* [akan] lah polis nak bercakap cakap cakap sampai petang. Haa pasal perompak *tulah* [itulah], Siapa ketua perompak dia, katalah TS Jeffry, Rosyam Nor ketua merompak haa ini yang berkisar tentang perjalanan cerita dia. Polis akan siasat *diadorang* [mereka] *ni* [ini] lah. Haa itulah cerita dia. Haa *tulah* kalau awak tanya saya, watak yang saya rasa yang terkesan *tulah* [itulah] jadi jahat lah kot. Jahat. Sebab orang boleh cerita balik. “Oii semalam *dah* [sudah] kena tembak mati, adalah pula dekat sini”. Haa dorang suka. Macam haritu saya kena tembak pom (bunyi tembakan) mati, bergaduh-gaduh, berlari-lari *kat* [dekat] kilang kayu pom (bunyi tembakan) kena tembak mati, dia boleh cakap kita masuk kedai kita dah lupa minum air - beli barang semua. Dia cakap dengan *group-group* dia [kumpulan-kumpulan] dia- “oii polis cari semalam dah kena tembak mati. Ni lari ke sini lah pula.” Kita pun cakap “Apa benda yang kau cakap? *ni* [ini] oo pasal cerita ‘Gerak Khas’ semalam”. Kita pun ketawa. Kita pergi lah sembang dengan *diaorang* [mereka]. *Ni* [ini] lah banyak bercakap. Ada yang suka, ada yang marah. Macam saya cakap tadi ada makcik yang marah tengok cerita *tu* [itu]. Macam mana penerimaan dia *tu* [itu], mungkin kalau orang terlalu taksib tengok *tv* [televisyen] kau terlalu meletakkan sampai terbawa-bawakan. Dia marah kita, tapi yang anggap itu adalah hiburan mereka akan suka lah. Kalau kita watak jahat, tapi mereka akan bercakap “Skrip mana, *dah* [sudah] mati hidup balik ke, tembak *tu* [itu] pakai apa eh?” *Dia* [merujuk kepada penonton] akan bercakap. Saya rasa itulah watak yang berkesan. Sebab watak yang berkesan - *tu* [itu] bukan dari segi benci sahaja, dari segi *diaorang* [mereka] bercerita balik, *diaorang* [mereka] akan bertanya watak *tu* [itu]. Haa itulah watak terkesan.

FM Yang seterusnya, boleh kami tahu berapa banyak karya yang telah Dato' Seri jayakan sepanjang syarikat Pentas Wayang ditubuhkan?

TSJ : Pentas Wayang ditubuhkan - untuk Pentas Wayang sahaja daripada dua-kosong-kosong-empat [2004]. Saya rasa banyak saya yang mengarah. Saya ada juga pakai *director* [pengarah] luar. Seperti mantan eh mantan pula - apa - macam Zul Arsyad. Saya pernah juga pernah pakai - macam Jamal Khan. "Jamal Khan tahu siapa?" yang 'Tujuh Hari Mencintaimu' Jamal Khan haa dia saya pernah pakai dia juga. *Lepas* [Selepas] *tu* [itu] ada satu, dua lagi *director* [pengarah]. Masa itu sibuk masa *tu* [itu] *job* [kerja] banyak nak *deliver* [menyampaikan] cepat panggil dorang. Tapi kalau untuk Pentas Wayang, saya rasa kami dah buat lebih kurang - adalah lebih kurang dekat-dekat 100 tajuk lah, dekat-dekat *seratus* [100] tajuk. 5, 6, 70, 80 *tu* [itu] adalah tajuk termasuklah sindikaten. Kami bukan buat drama sahaja, kami juga ada sindikaten tau, kalau kira tajuk lah, cerita sindekaten dan drama bersiri. Drama bersiri tajuk *tu* [itu] pun kira siri. Kalau kira siri ada beratus lebih *dah* [sudah] lah. *Campur-campur* [Tambah-tambah] *dua puluh enam* [26] *campur* [tambah] *dua puluh* [20] *dah* [sudah] berapa *dah* [sudah] *empat puluh enam* [46] *dah* [sudah] kalau kira siri lah kan. Kalau kira siri *dah* [sudah] *seratus* [100] lebih. Tapi saya rasa kalau kira tajuk *dah* [sudah] dalam, lebih kurang *enam* [6] *tujuh puluh* [70] *gitu* [begitu] lah tajuk. Tapi kalau yang mana saya mengarah, saya rasa adalah nak dekat, lebih kurang *tu* [itu] juga lah. Sebab kita bagi orang pun *tak* [tidak] banyak dalam *satu* [1] *dua* [2] tajuk *je* [sahaja]. Selebih saya yang mengarah semua *dah* [sudah] berapalah saya mengarah. Sebab kadang-kadang drama *you* [awak] tengok macam 'Misi Dania Cun' kan. Tajuk utamanya adalah 'Misi Dania Cun' (sambil tangan membuat pergerakan). Tapi setiap episod dia *dah* [sudah] tajuk, tapi *dah* [sudah] tajuk kecil pula. Tajuk-tajuk kecil, bermakna *tiga belas* [13] episod, kalau kira *tu* [itu] *tiap-tiap* [setiap] episod kita kena pakai pelakon-pelakon lain. Kecuali misi itu sahaja. Tapi *guest* [tetamu] artis lain lain lain, suasana yang lain, latar belakang cerita yang lain, lokasi yang lain kan. *So* [jadi] nak kata tajuk 'Misi Dania Cun' *tu* [itu] satu tajuk besar, tapi tajuk *kecik* [kecil] *tiga belas* [13] tapi kalau kira begitu beratus lah saya *dah* [sudah] mengarah. Itulah untuk Pentas Wayang. Setiap episod *tu* [itu] kan *dah* [sudah] *dua puluh* [20] *dua puluh enam* [26] haa *tiga belas* [13]. *Pahtu* [selepas itu] *tiga belas* [13] lagi. Misi apa -- Tak kiralah persidangan apa 'Projek Ratu' tajuk yang besar. Tapi tiap-tiap tajuk *tu* [itu] ratu lain-lain, daerah lain-lain, kampung yang lain-lain, pekan

yang lain-lain itu kita terpaksa *travel* [kembara]. Kalau nak kira begitu *an* [kan] banyak lah, beratus lah. Bayaran pun dia ikut episod dia bukan ikut tajuk. *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] arr -- episod *pertama* [1] berapa kena bayar begini. Episod *kedua* [2] macam *ne* [mana].

FM :*Okay* [baiklah], seterusnya, kalau tadi watak yang membei kesan, sekarang watak yang pernah mendapat sambutan luar biasa yang Dato pernah bawa daripada masyarakat?

TSJ : --- watak yang mendapat sambutan luar biasa. Saya rasa lebih kurang *tu* [itu] juga. Watak antagonis juga sebab dalam filem-filem semua adalah antigonis. Filem-filem walaupun bawa watak jadi camio pun orang bercakap sehinga ke hari ini. Macam ‘Polis Evo’, sampai harini *dorang* [penonton] bercakap. Berlakon *tak* [tidak] banyak pun *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] scene. *Lepastu* [selepas itu] kena tembak mati. ‘Polis Evo’- “Tengok ‘Polis Evo’ yang pertama?” kan jadi siam. Sebab saya *ni* [ini] keistimewaan nya, bukan keisteimwaan lah kebolehan lah minta maaf lah tidak bagus cakap keistimewaan kan. Kebolehan saya berbagai-bagai, bermacam-macam bahasa. Ada juga macam kalau *you* [awak] tengok ‘Petri Saadong’ macam saya cakap tadi dan filem apa *tu* [itu] kan ‘Polis Evo’ *tu* [itu] saya cakap siam. Saya boleh cakap siam. *Lepastu* biasalah, kalau cerita Kelantan cakap Kelantan. *Lepastu* [selepas itu] *of course* [sudah tentu] lah saya boleh Bahasa Malaysia kan. Yang jadi watak cuma saya bezanya watak cina saya cakap Cina. Cakap Cina *satu* [1] *dua* [2] *je* [sahaja]. Beratus drama saya dah berlakon *satu* [1] *dua* [2] *je* [sahaja]. *Tak* [tidak] tahu kenapa dorang *tak* [tidak] panggil saya jadi. Muka macam melayu ke apa ataupun mungkin cara saya cakap *tak* [tidak] macam bunyi Cina *kot* [mungkin]. Kalau saya, pernah *dulu* [dahulu] Datuk Yusof Haslam ketawa tergolek-golek, dia suruh saya jadi Cina. Apa *ni* [ini] - ‘Maria Mariana’ “Ingat ‘Maria Marina’ dengan Ziana Zin saya jadi adik kepada Candy kan?” Robert robert “kau boleh buat apa saja yang kau suka, tapi jangan harap kau akan dapat apa daripada aku. Aku sanggup mati” (slang melayu). Ha Cina dia *tak* [tidak] cakap macam *tu* [itu] *de* [punya]. Habis nak cakap macam mana “Lu boleh buat apa-apa yang lu mahu” (slang cina) dia jadi lain. Dia jadi orang Melayu cakap Cina lah. “*Lu* [kau] boleh buat apa-apa yang *lu* [kau] suka, *wa* [saya] *tak* [tidak] boleh macam mana” (slang cina). *Tak* [tidak] boleh lah, *tak* [tidak] natural lah macam, macam *tak* [tidak] betul yang kau cakap tadi *tu* [itu]. Mungkin itulah. Jadi watak-

watak yang *diaorang* [mereka] bercakap. Jadi watak-watak itu yang menjadi. Cakap macam ‘Polis Evo’ eh. Sambutan *of course* [sudah tentu] baguslah tapi *tak* [tidak] saya bukannya banyak berlakon. Tapi *Camio* [watak boss siam] macam saya cakap tadi *tu* [itu] dia artis kan tapi cara dia cakap *tu* [itu]. “Ouh dadah haritu bawa bukan main lagi kena bawa lah” *diaorang* [mereka] boleh cerita lagi. Saya rasa itulah istimewanya bagi diri saya. Sebabnya kita *tak* [tidak] pernah bawa watak dalam filem atau drama yang keluar kan. Kalau kita bawa watak kita dalam drama, watak antagonis atau watak karakter dalam filem atau drama sampai keluar. Mungkin orang *tak* [tidak] suka. “Betul *tak* [tidak]?”. Tiada istimewa lah *tu* [itu] menyampah ada. Bukan *tak* [tidak] pernah lakon watak baik ada. *Love story* [cerita cinta] adalah zaman muda. Sekarang *ni* [ini] belakon *love story* [cerita cinta] *tak* [tidak] boleh bahaya (ketawa besar) *Love story* [cerita cinta] bahaya - bahaya - *tak nak* [tidak mahu] *tanak* [tidak mahu]. Kalau boleh taknak [tidak mahu]. Ada juga orang *offer* [tawar] taknak-taknak [tidak mahu]. Saya marah-marah orang lagi bagus *an* [kan]. Cerita aksi lah. Saya aksi lah, boleh dikata antagonis dengan aksi. Tapi aksi pun *lately* [semenjak] *ni* [ini] kurang berlakon aksi sebab mungkin faktor usia lah kan. Hari *tu* [itu] macam hari *tu* [itu] ada gerak khas *offer* [tawar]. Datuk usop ada *offer* [tawar]. Saya pun tanya Datuk Yusof saya kata, “Tok ada *fightig-fighting* [lawan-lawan] ke?” “Dia kata eh mesti ada, kau kan dikenali sebagai aksi”. Saya kata, “datuk kalau kali *ni* [ini] boleh *tak* [tidak] *tak* [tidak] *yah* [perlu] *fightig-fighting* [lawan-lawan]. Saya lari lari lari, tembak menembak gaduh pastu pom (bunyi tembakan pistol) jatuh mati kena tembak” “Eh mana boleh Dato TS Jeffy orang nak *ni* [ini] *ni* [ini] *ni* [ini]” “*taknak* [tidak mahu] lah *tok* [Datuk] *tak* [tidk] larat lah saya fighting-fighting aku dah penat akhirnya scene tembak-menembak. Ha itulah jadi shooting dekat Thailand, seberang Thailand *tu* [itu] haa itulah cerita dia. Apa ke nama Dia ‘Opss Rambi’ ke cerita ‘Gerak Khas’ banyak kali tayang dah dekat *TV3* [saluran televisyen]. *TV3* [saluran televisyen] “ada kat?” Cerita yang masih ulang saya ada berlaku dengan Datuk Nash. Dia bodek harta orang *tu* [itu] semua cameo *kat* [dekat] situ kan orang-orang lama semua dekat situ.

FM : Soalan yang seterusnya, seperti yang sedia maklum, Dato' Seri sekarang banyak melibatkan diri di belakang tabir sebagai seorang pengarah. Jadi boleh Dato' Seri cerita bagaimana cabaran atau peranan Dato' Seri sebagai seorang pengarah serta penerbit dalam menjayakan sesuatu filem atau drama?

TSJ : Tanggungjawab terlalu besar-- terlalu besar. Okay serba serbi - saya ceritakan semula. Saya cerita dari sekeping kertas putih. Walaupun kita nampak sekeping kertas putih *tu* [itu] ada tulisan dia lah kan. Ada tulisan *tak* [tidak] banyak mungkin ada dalam dalam *tiga puluh* [30], *lima puluh* [50] patah perkataan sahaja sekeping kertas putih. Tapi untuk menjadi kan *lima puluh* [50] patah perkataan [itu] *tu* [itu] *visual* [gambaran] kan memang susah. Katalah disitu contohnya, okay katalah disitu penulis. "Samad setelah keluar penjara dia telah dikejar oleh samseng-samseng *ni ni ni ni* [ini ini ini ini] kan dan samseng-samseng ini kejar Samad sehingga ke kedai kopi dan akhirnya Samad berjumpa dengan Dollah membantu dia, berlakulah pergaduhan" "Sikit *je* [sahaja] kan?" Fuhh - nak buat *tu* [itu] masak *tu* [itu] (membuat riak muka). Samad baru keluar dari penjara contohnya, Samad baru keluar dari penjara. Okay scene *tujuh* [7], siang: Perlakon *lima* [5] orang. Samad keluar daripada kereta. Samad yang baru keluar penjara naik kereta kumpulan samseng mengikut Samad. Akhirnya Samad lari kerana dikejar oleh samseng itu hingga lah ke sebuah kedai kopi berjumpa dengan Dollah. Dollah memberi bantuan kepada Samad maka berlaku lah pergaduhan disitu akhirnya samseng-samseng ini ditewaskan. Awak rasa satu hari pun tak [tidak] habis *tu* [itu]. "Betul tak?" Satu hari *tak* [tidak] habis *tu* [itu] *takkan* [tidak akan] nak buat satu *shot* [tangkap gambar] *je* [sahaja]. Awak belajar komunikasi awak tahu lah. *Takkan* [tidak akan] lah satu *shot* [tangkap gambar] *je* [sahaja]. Scene suspen *tu* [itu]. Ohh Samad pukul orang *ni* [ini] *pahtu* [selepas itu] lari sekuat hati. *Pahtu* [selepas itu] banyak *je* [sahaja] *shot tu* [itu] *fighting* [perdaduhan] silap kena pula ulang-ulang banyak take [shot yand diambil]. Berpuluh-puluh *take* [shot yand diambil] satu hari juga *tu* [itu]. Itu satu. Kedua, dua helai *tu* [itu] tulisan *tu* [itu]. Macam tadi *lima* [5] patah perkataan *tu* [itu] *satu* [1] hari punya kerja. *Ni* [Ini] *dua* [2] helai *ni* [ini] banyak *dua* [2] helai. Berjumpa dengan Maria bercinta ceritakan pengalaman dia di kedai kopi. Buat fail masuk *pastu* [selepas itu] bercakap. Walaupun *dua* [2] helai kertas sekejap *je* [sahaja]. Tapi artis kena *ni* [ini] lah, kena on karakter ingat dialog *dia* [pelakon], ingat karakter dia [pelakon] baru sekejap *shooting* [pengambaran]. Lagi cepat dari tadi yang *lima puluh* [50] patah

perkataan sahaja. *So* [jadi] betul lah tanggungjawab saya terlalu berat kena tahu. Bukan nak nampak tebal *je* [sahaja] kena tahu. Tahu *tulah* [itu lah] kerja saya, pengalaman saya, *shot* [tangkapan gambar] saya. Saya kena tahu ketepatan *shot* [tangkapan gambar] saya. Kerja *ni* [ini] kena tepat. Kalau kata sekiranya lima belas *shot* [tangkapan gambar] tapi pastikan bila *kau* [merujuk kepada editor] editing semua *lima belas* [15] *shot* [tangkapan gambar] *tu* [itu] ada. Jangan pakat *kau* [merujuk kepada editor] *amik* [ambil] *je* [sahaja] ada *tiga puluh* [30] *shot* [scene] *kau* [merujuk kepada editor] *amik* [ambil] *tiga puluh* [30] *shot* [tangkapan gambar]. Itu bukan *safety* [selamat] lagi *tu* [itu] menyusahkan orang. *Close up* [shot bahagian detail wajah] *repeat* [ulang] sampai habis. Kalau *que* [giliran] dialog takpe [tidak mengapa]. Macam mana *kau* [merujuk kepada editor] *ni* [ini] ah - itu dia. Cabaran terlalu besar saya sebagai pengarah. Itu cerita sebagai pengarah. Kedua sebagai penerbit. Modal sekarang buat drama kena pakai duit sendiri (ketawa) . Kena cari duit sendiri kan. Telemovie *lapan puluh* [80] ribu kena cari duit sendiri. *Tu* [itu] telemovie. Kalau nak pinjam bank wah (terkejut) boleh lah industri bank membantu industri tapi masa *tu* [itu] kalau kata nak cepat nak *deliver* [menyampaikan] cepat nak kena slot khas. Slot-slot khas kan *tv* [televisyen]- *tv* [televisyen] bagi slot khas. Slot khas nak tayang lagi sebulan [1] *dua* [2] lagi pinjaman bank jahanam (sambil geleng kepala) memang *takkan* [tidak akan] dapat, *tak* [tidak] sempat *kuang kuang* [kurang-kurang] *enam* [6] bulan pinjaman bank *ding dong ding dong* [proses prosedur pinjaman bank] dokumen apa semua. *Enam* [6] bulan baru duit masuk an [kan]. Tapi pinjaman *enam* [6] bulan *dah* [sudah] *nak* [hendak] kena bayar. Ha *tu* [itu] cabaran terlalu besar ada modal ada cash. Kalau kena episod *tak* [tidak] ke beratus ribu. Kena keluar *dulu* [dahulu]. Cabaran juga, cabaran *tu* [itu] Kalau kau *takde* [tiada] duit macam mana kau nak cari kena cepat nak *role* [mula rakaman] selain daripada pinjam bank. Bank lambat macam mana kau nak yakinkan orang bahawa projek yang kau *role* [mula rakaman] *ni* [ini] pulangan modalnya sebegini banyak atau pun pulangan modal dia ada untung atau pulangan balik barang. Kalau ada bagi keuntungan *tu* [itu]. Haa itu cabaran lah itu yang amat besar dia. Semua orang kalau saya cakap *ni* [ini] mengikut pengalaman saya pengalaman saya yang dah lama dalam bidang *ni* [ini]. Setengah orang dapat drama kita bagi drama “esok boleh keluar?” “boleh”. Ha boleh *role* [mula rakaman] boleh *role* [mula rakaman]. Artis kena bayar *tu* [itu] yang bila kita *role* [mula rakaman] *tu* [itu]. Nama-nama *production* [produksi] ynag

terbabitlah. Ada *production* [mula rakaman] ni kata yang bila dah habis *shooting* [penggambaran] *tak* [tidak] boleh bayar habis. Habis *shooting* [penggambaran] berbulan-bulan tapi lari *kru* [pasukan produksi]. Mula lah *kru* [pasukan produksi] hantar surat mengadu pada persatuan. Kita ada persatuan, kalau artis kan kalau seniman mengadu *tak* [tidak] dapat *last payment* [bayaran akhir], *kru* [pasukan produksi] pula dia mengadu kepada profirma bahawa dia *tak* [tidak] dapat *payment* [bayaran] haa ini lah yang berlaku dan juga pernah *tv* [televisyen] stesen bising *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan]. Penerbit *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan] drama *tu* [itu] *dah* [sudah] sampai masa untuk *deliver* [menyampaikan] dia *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan]. *Lepastu* [selepas itu] sampai slot *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh tayang, slot *tu* [itu] *cancel* [batal] *lepastu* [selepas itu] masuk slot lain. Sebab apa sebab *shooting* [penggambaran] *tu* [itu] *tak* [tidak] habis. *Tak* [tidak] boleh *start* [mula] lagi modal *tak* [tidak] *ada*. Saya berada di Pentas Wayang eh saya *tak* [tidak] kata saya *ni* [ini] bagus tidak (sambil geleng kepala). Ada juga pengarah, penerbit baru bawa surat *offer* [tawaran] daripada *tv* [televisyen] stesen. Nah *ni* [ini] kita ada surat *offer* [tawaran] dari *tv* [televisyen] stesen nak suruh saya turun modal *dulu* [dahulu] nak *share* [kongsi] dengan saya. Ada. Tapi kita nasihat kan lah dia kan kalau dapat sesuatu kita *tak* [tidak] bersedia apa *ni* [ini] untuk nak *share* [kongsi] dengan dia ke apa. Sebab kita pun ada projek kita nak jalan. Ada yang saya pinjamkan *dulu* [dahulu] pun ada. Tapi kawan-kawan yang kenal lah. Ada yang bayar balik. Tapi itulah dia benda begitu lah dia cara dia cakap, cabaran paling besar adalah kewangan - modal - untuk mendapatkan projek itu *dah* [sudah] cabaran *dah* [sudah] kena pikir kena *pitch* [cadangan filem] *kat* [dekat] *tv* [televisyen] stesen. *pitch* [cadangan filem] *tu* [itu] bukan hari-hari dia *page pitch* [cadangan filem], tunggu *pitch* [cadangan filem], *pitch* [cadangan filem] *tu* [itu] bukan *dua* [2] *tiga* [3] hari *dah* [sudah] dapat. Mungkin kena tunggu keluar *statement* [kenyataan]. *Ni* [ini] *statement* [kenyataan] keluar *enam* [6] bulan sekali. Drama-drama apa yang diperlukan. Berapa *hours* [jam] drama kanak-kanak *satu* [1] *hour* [jam] drama apa. *So* [jadi] kita tengok lah yang mana sesuai *anta* [hantar]. Kita punya *invoice sheet* [merujuk pengisian cerita] atau *treatment* [merujuk idea jalan cerita]. *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] pilih *treatment* [merujuk idea jalan cerita] kita *lepas* [selepas] *ni* [ini] *treatment* [merujuk idea jalan cerita] dia akan panggil kita. *Pitch* [cadangan filem], dia *pitching* [idea]. Bila kita *pitch* [cadangan filem] *tak* [tidak] dapat jawapan

lagi. Selepas *empat* [4] *lima* [5] bulan baru dapat jawapan untuk panggil. Apa dia panggil apa mesyuarat penerbitan. Disitulah *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] akan bagi garis panduan cukup daripada *sembilan* [9] bulan kontrak bahan *ni* [ini] akan siap dalam masa *sembilan* [9] bulan. Masa *tu* [itu] dalam masa *sembilan* [9] bulan, bahan shooting *tu* [itu] dalam masa *empat* [4] *lima* [5] bulan untuk dia nilai ada kena buat pindaan ke kerosakan ke. *So* [jadi] dalam masa *empat* [4] bulan sempat ke cari duit kalau drama bersiri ke - Kalau memang *tak* [tidak] ada modal *tak* [tidak] ada orang yang nak yang sudi nak tolong modal. Memang banyak *empat puluh* [40] ribu bukan senang nak cari sebulan kalau *tak* [tidak] ada modal. Nak yakin kan orang kalau *takde* [tiada] *empat puluh lima* [45] ribu dengan keadaan sekarang ini bukan senang ooo. Dalam keadaan sekarang *ni* [ini] nak pinjam dengan bank, pun susah dapat. Kita *tak* [tidak] salah *kan* [dekat] bank kerana keadaan sekarang *ni* [ini] kan orang banyak COVID. Banyak sektor *tak* [tidak] buka kan. Itu yang saya cakap kalau kena *lapan puluh* [80] ribu. Kalau kena *dua puluh enam* [26] episod 700 ribu 800 ribu nak pergi mana. *Satu* [1] jam kurang kurang 800 ribu. Setidak-tidaknya 800 ribu. Kalau 800 ribu mati kan. Itu yang drama *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan] dekat *tv* [televisyen]. Eh asal *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] *ni* [ini] jadual drama *ni* [ini] dramanya *tak* [tidak] keluar. Tukar dengan drama lain kita *tak* [tidak] boleh salahkan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia]. Bukan salah *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] dah bagi peluang kau yang *tak* [tak] boleh *deliver* [menyampaikan]. *Lepastu* [selepas itu] adalah penerbit bising dalam media sosial. Penerbit bising kena denda dengan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] kena denda kelewatan, “untung *tak* [tidak] seberapa tapi kena denda kelewatan”. Eh salah kau bukan salah *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] salah kau. Kita kan dah *sign* [tanda tangan] *contract* [kontrak] dengan Kemen -- ada kene mengena dengan Kementerian Kewangan, bukan dengan *RTM* [Radio Televisyen Malaysia], *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] jadi saksi *je* [sahaja], projek dia daripada Kementerian Kewangan *tak* [tidak] betul. Kita *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan] dengan tepat. Kalau *tak* [tidak] awal-awal jangan lah terima projek *ni* [ini]. *Dah* [sudah] tahu *tak* [tidak] boleh buat jangan *deliver* [menyampaikan] projek besar. Jangan masuk *pitching* [kaedah perolehan rancangan televisyen] sampai *dua puluh enam* [26] sejam. Masuk lah yang Telemovie *aje* [sahaja] yang *lapan puluh* [80] ribu “kan?” itu yang saya cakap betul. Dimana buat kerja *ni* [ini] semua, kewangan, wang projek *tu*

[itu] nak selesaikan. Kalau cerita *tu* [itu] *shot* [tangkapan gambar] pula luar negara dengan keadaan sekarang pula. Macam mana boleh pergi luar negara pula *tak* [tidak]. Aaaa (gaya geram) mati kan. *Dah* [sudah] kena olah balik skrip *tu* [itu] olah-olah. *Tu* [Itu] cabaran lah *tu* [itu]. Tambah *satu* [1] lagi cabaran, kalau sebelum *ni* [ini] untuk mendapatkan projek, modal yang besar. *Lepastu* [selepas itu] tambah lagi *satu* [1] cabaran bila cerita *tu* [itu] ada *shooting* [penggambaran] luar negara ke nak *shooting* [penggambaran] sekarang pun *tak* [tidak] boleh itu *je* [sahaja].

FM : Okay [baiklah] berdasarkan cabaran yang Dato kongsiikan sebentar tadi, apakah tips di atas semangat Dato untuk menghadapi cabaran dalam industri seni perfileman di Malaysia?

TSJ : *Okay* [baiklah] dia begini tau untuk mendapat projek bukan senang. Untuk mendapatkan peluang projek bukan senang. Ada masa kena naik turun *tv* [televisyen] stesen tapi bila dapatkan peluang tapi kena tahu kemampuan kita dan kemampuan syarikat. Jangan fikir semua peniagaan, semua orang nak untung tapi masa yang sama nak untung pun kita kena *deliver* [menyampaikan] benda yang bagus, kena *deliver* [menyampaikan] benda yang berkualiti. *So* [jadi] untuk benda-benda *ni* [ini] semua. Kita bercakap pasal untung *ni* [ini] *of course* [sudah tentu] lah wah kalau *shoot* [penggambaran] telemovie untuk dia *tak* [tidak] banyak sangat lah. Kalau *shoot* [penggambaran] episod *tu* [itu] wah untung banyak *ni* [ini] ratusan ribu an [kan]. Kalau aku dapat *ni* [ini] *an* [kan]-- tapi kita kena tahu sebab sebelum kita nak *deliver* [menyampaikan], nak ambil barang *tu* [itu] kita tahu kemampuan bajet kita. Ada *tak* [tidak] bajet kita. Kemampuan projek *tu* [itu] ada *tak* [tidak] yang kita nak *submit* [hantar] *ni* [ini] kalau dapat. Kita diberi peluang *tiga* [3] saja untuk hantar ke *tv* [televisyen] stesen untuk but *pitching* [kaedah perolehan rancangan televisyen] *pitch* [pembuat filem]. *So* [jadi] *tiga* [3]-*tiga* [3] telemovie *so* [jadi] kenapa *taknak* [tidak mahu] telemovie yang syarikat boleh *support* [sokong]. Pergi hantar episod, *tiga* [3]-*tiga* [3] hantar episod nak untung banyak. Dia dapat *dua* [2] episod sebab cerita *tu* [itu] bagus kan. Macam mana nak *role* [mula rakaman] *tu*, kalau telemovie *dah* [sudah] boleh *role* [mula rakaman]. *So* [jadi] *dok* [duduk] pikir untung banyak *tu* [itu]. Akhirnya syarikat jadi *blacklist* [senarai hitam]. Haaa *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan] - syarikat kena *blacklist* [senarai hitam] - *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] -- syarikat kena *blacklist* [senarai hitam] dan untuk *second* [kedua] peluang

tu [itu] susah nak dapat adalah *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] *still* [masih] buka peluang tapi susah lah sebab kau *dah* [sudah] ada rekod. Sepatutnya kita kena ada *track record* [jejak rekod] yang bagus. *So* [kewangan] yang boleh *support* [sokong] kau punya projek, supaya kau boleh *deliver* [menyampaikan] projek dalam masa yang ditetapkan. *So* [jadi] bila kiraan begini kiraan *tak* [tidak] betul susah lah. Mungkin dapat, *tv* [televisyen] akan bagi peluang ooo episod *ni* [ini] bagus, cerita *ni* [ini] bagus bagi peluang dekat kau. Dapatlah cerita *tu* [itu] tapi kita pula sebagai penerbit *tak* [tidak] boleh *deliver* [menyampaikan] *takde* [tiada] projek nak *role* [mula rakaman] rosak lah syarikat, maka habis lah peluang. *So* [jadi] saya nasihatkan itulah syarikat *ni* [ini] lah tapi saya *tak* [tidak] kata syarikat mana-mana. Kalau *tak* [tidak] mampu kewangan *tu* [itu] berpada-padalah nak *submit* [hantar] barang *tu* [itu] berpada-pada lah. *Tak payah* lah ambil bersiri ambillah yang kecil-kecil *dulu* [dahulu]. Buat *track record* [jejak rekod] *dulu* [dahulu], buat kewangan *dulu* [dahulu], syarikat kukuh nanti stesen-stesen akan bagi. Percayalah kalau *you* [awak] *deliver* [menyampaikan] barang baik, barang yang berkualiti *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] akan sentiasa bagi. Kalau *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] kalau *tv station* [stesen televisyen] lain pun begitu juga - jangan sia-siakan peluang yang ada itu *je* [sahaja].

FM : Soalan yang seterusnya, apakah kejayaan Dato' Seri sepanjang menceburi dalam bidang seni?

TSJ : Alah saya *tak* [tidak] berjaya lagilah (sambil buat mimik muka sedih). Bagi saya kalau awak tanya berjaya *ni* [ini] allah nak cakap pun *sogan* [segan] *sogan* [segan] *den* [saya] cakap apa kejayaan saya alah saya nak cakap pun susah. Berjaya *ni* [ini] saya boleh *handle* [uruskan] syarikat saya dan juga saya boleh berada dalam bidang seni *ni* [ini] sehingga tiga puluh dua tahun [32] sehingga hari ini lah. Saya rasa itulah kejayaan dia. Kejayaan yang lain *tu* [itu] *takde* [tiada] lagi. Anugerah *tu* [itu] *takde* [tiada] pernah dicalonkan *tak* [tidak] menang pun (riak sedih). Ada anugerah tercalon tapi *tak* [tidak] menang. Sebab saya memegang pada *satu* [1]- pepatah Remy Edwards - dia kata “Jangan lah kita - kita buat *satu* [1] produk, jangan lah kita kejar anugerah, kita buat yang terbaik kemudian hari anugerah akan mengejar kita” “Paham *tak* [tidak]?” Kalau kita buat produk harini untuk menang anugerah - jangan. Kita buat produk yang terbaik yang bagus *Good* [bagus] produk *storyline* [jalan cerita] yang

bagus, *deliver* [menyampaikan] bagus, artis bagus, semua bagus. Akhirnya anugerah *tu* [itu] akan kejar kita. Eh masuk-masuk *ni* [ini] haa *tv* [televisyen] stesen semua suruh masuk. Itulah saya memegang prinsip begitulah. Terutama sekarang pernah dicalonkan menang tidak pernah ada lagi *tu* [itu]. Masa saya berlakon *dulu* [dahulu] pernah lah saya pernah calon *top* [atas] *lima* [5] pelakon - baru *dulu* [dahulu] - adalah piala. Tapi untuk perniagaan saya untuk Pentas Wayang kami pernah dicalon di Astro Drama Komedi apa . Anugerah Astro Seri Angkasa punya lah. Tapi *tak* [tidak] menang lagi belum ada rezeki lagi. Kejayaan itu saya jelah saya boleh *handle* [urus] syarikat saya sampai hari *ni* [ini]. Saya boleh *handle* [urus] diri saya dalam bidang *ni* [ini] *tak* [tidak] ada benda karut marut lagi selama *tiga puluh* [32] tahun itu lah dan terima kasih kepada kerajaan.

FM : Okay [baiklah] soalan seterusnya, kalau Dato' Seri bukan seorang anak seni, siapakah Dato' Seri sekarang?

TSJ : Alamak - saya mungkin *businessman* [ahli perniagaan] lah, tapi tak tahu *business* [perniagaan] apa. Sebab apa, sebab kan saya dah kata, daripada zaman *dulu* [dahulu] zaman-zaman sekolah saya *start* [mula] kerja buat ini, buat itu. Pernah kerja buruh, kerja yang biasa pun pernah, kerja mekanik pernah. *So* [jadi] mungkin saya akan jadi salah satu daripada tulah. Bukan kontraktor, mungkin jadi mekanik kereta, bukan jadi mekanik kereta, mungkin jual motor tapi akan *businessman* [ahli perniagaan] lah, macam *tu* [itu] lah.. sebab saya *dah* [sudah] ada pengalaman-pengalaman macam *ni* [ini] kan dah lalui pengalaman-pengalaman begitu aaa selebihnya bergantung pada peluang dan juga modal lah macam *tu* [tu]

FM : Jadi, Dato' Seri pernah terfikir untuk menjadi seperti sekarang, sebagai seorang artis, pengarah, penerbit?

TSJ : Hmm, pernah *dulu* [dahulu] terpikir - tapi *tak* [tidak] terpikirlah sampai lama begini. Sebab bagi saya kalau kita merancang daripada sekarang, kita rancang apa daripada sekarang *tak* [tidak] semestinya kita akan dapat dikemudian hari "Betul tak [tidak]?" Kalau kita yang rancang, kita yang cari, kita *kan* [akan] dapat. Begitu saya *ni* [ini] - - *Dulu* [dahulu] saya merancang tapi apabila saya berlakon, nanti saya nak jadi pengarah sebab saya tengok pengarah *sedap* [pekerjaan yang seronok] *lepas* [selepas itu] saya pun pikir kalau saya jadi pengarah *one* [satu] *day* [hari] saya pun

nak ada *business* [syarikat] saya sendiri, saya jadi penerbit maka saya dapatlah. Sebab saya yang rancang benda *tu* [itu] sesuatu benda. Macam *uolls* [awak semua] “ouhh aku lepas habis diploma *ni* [ini] apa lepas habis uitm, aku nak jadi penerbit ke apa ke” mungkin dapat lah. Tapi untuk bertahan berapa lama jadi penerbit, berapa banyak *job* [kerja] *you* [awak] akan dapat *tu* [itu] atas diri *you* [awak] lah untuk pergi cari peluang [itu]. Tapi untuk rancang *tu* [itu], memang saya rasa ada rancang dari *dulu* [dahulu] - pernah - pengalaman *tu* [itu] kalau *you* [awak] cari *you* [awak] akan dapat. --- bagus *you* juga. ___ “Okay apa lagi?”

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: INDUSTRI SENI PERFILEMAN

FM : Apakah perbezaan cara pembuatan filem dulu [dahulu] dan sekarang? Contohnya dari segi peralatan yang digunakan?

TSJ : Banyak. Sebab dari perlatan *dulu* [dahulu] pun banyak. Sebab apa peralatan *dulu* [dahulu] semua lampu besar-besar, pakai lori kalau nak buat filem pakai lori, pakai *generator* [penjana]. Kalau buat drama pun begitu juga, lampu besar-besar pakai *dua* [2] biji van, lampu *takde* [tiada] *generator* [penjana] curi atau minta izin rumah orang lampu atau minta lampu *TNB* [Tenaga Nasional Berhad] (ketawa kecil). *Check* [periksa] lampu lah bukan maksud curi. Bermakna untuk menurunkan *equipment* [peralatan] kita panggil *equipment* [peralatan] untuk turunkan *equipment* [peralatan], untuk nak *wrap* [bungkus] kan *equipment* [peralatan] makan masa berjam-jam dan memerlukan pekerja yang banyak. Tapi sekarang tidak begitu, tidak begitu lagi. Sekarang nak turun barang, nak *wrap* [bungkus] barang sekejap, setengah jam *dah* [sudah] boleh habis. “Kenapa?” sebab semua sekarang kecil-kecil, Kamera pun *dah* [sudah] kecil. Kalau *dulu* [dahulu] bayangkan kamera *tu* [itu] *dua* [2] *tiga* [3] orang. Sekarang semua *dah* kecil-kecil *dah* [sudah] sebab apa kita *dah* [sudah] *HD* [high definition]. Kita *dah* ada system *HD* [high definition] kan, lampu dia buat *LED* [diod pemancar cahaya] “Kan?” Takpayah kecoh *dah* lampu *tu* [itu] nak pakai bateri boleh, nak pakai di *plak* [soket lampu] pun boleh, macam cas *telepon* [telefon] kecil *je* [sahaja] *cameraman* [jurukamera] bawa *kulu kilir* [bawa kemana sahaja] *je* [sahaja] kamera kecil *je* [sahaja]. Tapi *HD* [high definition] macam nak *shoot* [penggambaran] tepi jalan *dulu* [dahulu] susah payah, bila *scene* [babak] malam *in-shot* [dalam penggambaran] bila kereta nak *try* [cuba] parking ke apa ataupun *shoot* [penggambaran], *scene* [babak] orang bercakap tepi jalan pun susah. *dulu* [dahulu] nak cari suis *box* [kotak] kabel yang panjang nak *tap* lampu daripada rumah orang kena lalu rumah orang, kalau tidak tak dapat lampu ataupun nak kena letak tempat jauh-jauh *generator* [penjana] kan berbunyi *an* [kan], kita *direct sound* [bunyi terus] kan (buat bunyi bising panjana). *Generator* [penjana] kena letak jauh-jauh, sewa *generator* [penjana] letak jauh-jauh sebab apa bila jauh kabel kena panjang. Buang masa *satu* [1] malam boleh buat *dua* [2] *scene* [babak] *aje* [sahaja] sampai ke pagi. Tapi sekarang berbeza *dah* [sudah] nak *shoot* [penggambaran] tapi jalan sekejap *je* [sahaja] setting lampu sebab dia pakai bateri – semua lampu LED [diod pemancar

cahaya] pakai bateri. Beza *dulu* [dahulu] boleh buat *dua* [2] *scene* [babak] sampai pagi, sekarang tepi jalan boleh buat dalam *tujuh* [7] *scene* [babak] sampai pagi. *Tujuh* [7] *lapan* [8] *scene* [babak] boleh siap. Bergantung kepada *director* [pengarah] *tu* [itu] lah. Tergantung kepada *director* [pengarah] dan *call-shot* [cara pengambilan sudut kamera] *director* [pengarah]. *Okay* [baiklah] itu dari segi *equipement* [peralatan]. Dari segi *editing* [penyuntingan] pula. *Editing* [penyuntingan]. Penyuntingan. sekarang pun senang. Sebab sekarang -- kalau *dulu* [dahulu] nak *edit* [sunting] dalam durasi lebih kena *re-edit* [sunting semula] balik, kena *edit* [sunting] balik. Bukan *re-edit* [sunting semula], kena *edit* [sunting] balik. Beza dulu kalau *shooting* [penggambaran] *dulu* [dahulu] kena pakai *time* [masa], *continuity* [kesinambungan] *tu* [itu] kena tahu. Kalau *editing* [penyuntingan] *ni* [ini] kena *ngam-ngam* [ikut waktu sepatutnya], kurang-kurang kalau *sembilan puluh* [90] minit, *sembilan puluh* [90] minit kena siap. Kalau *satu* [1] minit kena *edit* [sunting] bagi *satu* [1] minit. Kena *edit* [sunting] balik semua. Tapi sekarang tidak *loading* [memuatkan] , *load-load-load* [memuatkan] *je* [sahaja] kan *cut-cut-cut* [potong] *je* [sahaja] kan. Kalau kau nak *edit* [penyuntingan] harini terus *load* [memuatkan] *cut* [potong]. *Editor* [penyunting] akan *load* [memuatkan] *load* [memuatkan] akan duduk *cut* [potong]. *Lepastu* [selepas itu], bila *edit-edit* [sunting] *tu* [itu] tengok-tengok yang mana *tak nak* [tidak mahu] *tu* [itu], kena rasa terlebih ke apa boleh buang. *Delete-delete* [buang] buang *je* [sahaja] senang *dah* [sudah] gambar pun cantik. Kerja pun senang, masa pun pendek. Peredaran zaman lah - perubahan teknologi. Canggih dah sekarang. Itu dia. Pelakon pun bagus-bagus sekarang. *dulu* [dahulu] cantik, sekarang pun cantik juga. Tapi sekarang banyak perangai *dulu* [dahulu] *tak* [tidak] banyak perangai (Sambil ketawa besar). __ *Dulu* [dahulu] kurangnya bukan *tak ada* [tiada]. Selagi manusia bernama manusia *ni* [ini] sentiasa ada masalah. Tapi bagi saya *dulu* [dahulu] *more to* [lebih kepada] - bukan saya puji pasal saya *dah* [sudah] lama *dah* [sudah] tidak. Pasal saya *dulu* [dahulu] disiplin *tu* [itu] kuatlah. Memang *dah* [sudah] di didik dengan disiplin bila berada di *set* [lokasi penggambaran]. Sekarang mungkin terlalu canggih. *Kejap-kejap* [sekejap-sekejap] nak tengok *phone* [telefon], kejap-kejap nak tengok nak main WhatsApp atau *IG* [instagram]. Mungkin itulah -- masa terbuang – terbuang banyak dekat situ. Itulah *je* [sahaja] lah __ __ __ __ Saya *tak* [tidak] kata saya saya kata Eman Manan. (Ketawa kecil)

FM : Apakah yang membuat Dato' Seri mendapat ilham untuk membuat sesuatu filem?

